Jabatan Antropologi dan Sosiologi
No. ...
No Perolehan: ...
Tarikh: 8/4/87

# PROFILE WANITA DALAM KEMISKINAN
Satu Kajian Kes Masyarakat Cina Setinggan di Kampung FRI (Forest Research Institute) Kepong

oleh

CHEW ME LEE

no matrik 45548

Latihan Ilmiah
Bagi Memenuhi Sebahagian Daripada
Syarat-syarat Untuk Ijazah Sarjana
Muda Sastera

Jabatan Antropologi dan Sosiologi
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

Sesi 1986/87

University of Malaya

Specially dedicated to,

My beloved parents

&

brothers.

University of Malaya

Peta ; Kampung Forest Research Institute ( FRI ) Kepong.

Lokasi Kampung Forest Research Institute (FRI) Kepong




University of Malaya

Peta ; Kampung Forest Research Institute ( FRI ) Kepong.




University of Malaya

# SINOPSIS

Latihan Ilmiah ini ialah satu usaha untuk mengkaji peranan wanita dalam kemiskinan di bandar dengan menumpukan perhatian atas komuniti Cina setinggan di Kampung Forest Research Institute (FRI) Kepong, Mengkaji cara hidup wanita dalam memperbaiki keadaan hidup di kawasan setinggan.

Latihan ilmiah ini terdiri daripada lima bab. Bab I dikemukakan pengenalan, garis panduan tujuan dan bidang kajian latihan ilmiah, kaedah-kaedah yang digunakan serta beberapa kesulitan yang dihadapi semasa menjalankan penyelidikan ini. Bab ini seterusnya memberi serba sedikit latarbelakang kawasan kajian serta konsep dan teori yang digunakan untuk dihubungkaitkan dengan masalah kajian.

Bab II meninjau peranan wanita dalam rumahtangga sebagai isteri dan ibu dalam keluarga. Kesihatan wanita berhubung dengan peranan mereka.

Bab III penekanan dikhususkan pada penglibatan kaum wanita dalam sektor ekonomi, cara pembahagian masa antara penglibatan dalam sektor ekonomi dan rumahtangga. Organisasi kredit yang dipraktikkan di kalangan wanita juga ditinjau.

University of Malaya

Bab IV melihat wanita dalam bidang sosial, perhubungan mereka dengan jiran tetangga dan penglibatan dalam bidang politik.

Bab V ialah kesimpulan,ringkasan pada perjumpaan latihan ilmiah.

University of Malaya

# PENGHARGAAN

Terlebih dahulu ingin saya ucapkan jutaan terima kasih kepada pengawas kajian luar yang juga merupakan penyelia latihan ilmiah saya, Profesor Madya Dr. Azizah Kassim. Beliaulah yang telah banyak memberi tunjukajar, bimbingan dan panduan serta nasihat sehingga siapnya penulisan ini.

Di sini saya juga mengambil kesempatan untuk menyatakan penghargaan kepada teman-teman serumah dan seperjuangan di Jabatan Antropologi dan Sosiologi yang telah banyak memberi dorongan dan penulisan ini.

Tidak lupa diucapkan terima kasih buat penduduk-penduduk Kampung FRI Kepong atas kerjasama mereka yang sangat-sangat saya hargai.

Chew Me Lee
Jabatan Antropologi/Sosiologi
Universiti Malaya
1986/87

University of Malaya

## KANDUNGAN


| | Halaman |
|---|---|
| SINOPSIS | i |
| PENGHARGAAN | iii |
| KANDUNGAN | iv |
| SENARAI JADUAL | v |
| SENARAI GAMBAR | vi |
| ABBREVIATIONS | vii |
| BAB I : PENDAHULUAN | 1-18 |
| 1.1 Tujuan dan Bidang Kajian | |
| 1.2 Kepentingan Kajian | |
| 1.3 Methodology | |
| 1.4 Kesulitan Kajian | |
| 1.5 Latarbelakang tempat kajian | |
| 1.6 Konsep-konsep | |
| 1.6.1 Konsep Kemiskinan | |
| 1.6.2 Peranan Wanita | |
| BAB II : PERANAN WANITA DALAM RUMAHTANGGA | 19-36 |
| 2.1 Peranan Wanita Sebagai Seorang Isteri | |
| 2.2 Peranan Wanita Sebagai Seorang Ibu | |
| 2.3 Kesihatan Ibu-ibu | |
| BAB III : WANITA DALAM BIDANG EKONOMI | 37-57 |
| 3.1 Wanita Sebagai Buruh diupah dan Buruh Tidak diupah | |
| 3.2 Cara Wanita Membahagikan masa | |
| 3.3 Organisasi Kredit | |
| BAB IV : WANITA DALAM BIDANG SOSIAL | 58-66 |
| 4.1 Wanita dan Jiran Tetangga | |
| 4.2 Penglibatan Wanita dalam Bidang Politik | |
| BAB V : KESIMPULAN | 67-71 |
| BIBLIOGRAFI | 72-73 |

# SENARAI JADUAL


| Jadual | | Muka Surat |
|---|---|---|
| 2:1 | Jadual Menunjukkan Jenis Keluarga yang terdapat di Kampung FRI Kepong. | 19 |
| 2:2 | Menunjukkan Bilangan Anak Responden-Responden Wanita yang telah berumahtangga mengikut umur. | 27 |
| 2:3 | Menunjukkan tempat ibu-ibu bersalin anak yang bongsu. | 35 |
| 3:1 | Penglibatan Bidang Pekerjaan oleh Responden Wanita dan Suami | 38 |
| 3:2 | Menunjukkan Jumlah Pendapatan Responden Wanita yang Bekerja. | 40 |
| 3:3 | Menunjukkan Perjalanan Permainan Kutu di kalangan Komuniti Cina Kampung FRI Kepong. | 53 |
| 3:4 | Menunjukkan Keuntungan dan Kerugian Permainan Kutu. | 55 |
| 4:1 | Menunjukkan Tahap Pelajaran Responden dan Suami. | 65 |

# SENARAI GAMBAR


| Gambar | | Muka Surat |
|---|---|---|
| A : | Menunjukkan seorang ibu bersama anak-anaknya di halaman rumah pada waktu petang. | 30 |
| B : | Menunjukkan 'Pau' dikukus. | 45 |
| C : | Menunjukkan usaha mendandan rambut di rumah. | 46 |
| D : | Menunjukkan wanita-wanita bekerja di kilang memproses mee di Kampung FRI Kepong. | 47 |
| E : | Menunjukkan reban ayam di belakang rumah. | 48 |
| F : | Menunjukkan wanita-wanita yang asyik berjudi. | 59 |


University of Malaya

# ABBREVIATIONS

| | |
|---|---|
| MCA | Malaysian Chinese Association |
| FRI | Forest Research Institute |

# BAB I

# PENDAHULUAN

## 1.1 Tujuan dan Bidang Kajian

Pengkaji telah menetapkan skop kajiannya di kawasan setinggan masyarakat Cina iaitu di Kampung FRI Kepong. Responden-responden pengkaji adalah terdiri daripada wanita-wanita yang telah berkahwin dan juga yang masih belum berkahwin.

Kajian ini pada amnya bertujuan untuk melihat beberapa aspek tentang kehidupan wanita dan peranan mereka secara terperinci iaitu bermaksud untuk melihat peranan wanita dalam aspek-aspek ekonomi, sosial, politik dan hubungan kekeluargaan seperti berikut:-

(i) - Meninjau peranan wanita di dalam rumahtangga sebagai seorang isteri dan sebagai ibu.

- Meninjau tentang kehidupan wanita dalam membuat keputusan. Adakah wanita ini mempunyai hak dalam membuat keputusan ataupun suami yang memegang segala kuasa dalam rumahtangga contohnya dari aspek menabung.

- Dari segi keseimbangan makanan, didapati ia mempunyai perhubungan yang rapat dengan soal kemiskinan yang seterusnya akan mempengaruhi keadaan kesihatan. Tinjauan ini juga akan menyentuh soal penjagaan diri wanita selepas melahirkan anak, dari segi pemakanan mereka, dari segi tidur

University of Malaya

mereka, penyakit yang dijangkiti dan cara mereka mendapatkan rawatan.

(ii) - Pada pendapat umum penduduk setinggan merupakan kategori yang miskin secara relatif. Pengkaji ingin mengetahui sejauhmanakah kebenaran kenyataan ini. Sekiranya benar, bagaimanakah wanita-wanita ini memainkan peranan dalam membantu keadaan sedemikian serta memberi sumbangan dalam aspek ekonomi. Penglibatan wanita-wanita mungkin sebagai buruh yang diupah ataupun buruh tidak diupah. Sebab-sebab wanita ini bekerja akan ditinjau.

- Meninjau cara-cara wanita-wanita ini membahagikan masa mereka dalam memainkan peranan mereka dalam rumahtangga dan sektor ekonomi.

- Juga ditinjau organisasi kredit yang dipraktiskan dalam masyarakat tersebut.

(iii) - Dalam kehidupan sosial mereka akan dilihat cara-cara wanita-wanita berinteraksi dengan jiran-jiran. Apakah asas hubungan antara jiran-jiran, adakah mereka berkelompok mengikut kawasan ataupun mengikut kekeluargaan ataupun dialek mereka.

- Meninjau kegiatan-kegiatan masa lapang dan sejauhmanakah penglibatan mereka dalam bidang politik.

1.2 Kepentingan Kajian

Kajian ini merupakan kajian mengenai profail wanita di bandar. Bahan-bahan rujukan yang telah diteliti, didapati bahawa banyak latihan ilmiah yang telah dilakukan adalah atas peranan wanita di kawasan luar bandar. Contohnya penulisan latihan ilmiah oleh:

Norehan Md Nor, (1986) Peranan wanita luar bandar dalam Sosio-ekonomi.

Ramlah Haji Ishak, (1986) Peranan kaum wanita dalam bidang sosio-ekonomi. Satu kajian kes di Mukim Jabi, Alor Setar, Kedah.

Amat kurang sekali kajian seperti ini dijalankan atas wanita di bandar.

1.3 Methodology

Pengkaji telah melakukan kajian dengan menggunakan kaedah-kaedah ilmiah. Kaedah utama yang digunakan terdiri dari kaedah:-

(i) Penyertaan dan pemerhatian.

(ii) Temuduga berdasarkan soal-selidik.

(iii) Temuramah.

Pengkaji juga menggunakan kaedah sekundar iaitu pengulasan bahan-bahan kajian. Pengkaji telah meninjau beberapa kajian yang pernah dilakukan atas kemiskinan dan peranan wanita. Tujuan tinjauan ini ialah untuk memastikan tiada sebarang pertindihan dalam kajian serta mempelupuri bidang yang masih belum disentuh. Ini dapat menggelakkan pembaziran tenaga, usaha dan masa.

University of Malaya

(i) Penyertaan dan Pemerhatian

Kaedah penyertaan dan pemerhatian adalah sangat penting dalam kajian ini untuk menyaksikan keadaan hidup sebenar wanita-wanita dalam kemiskinan serta agar dapat maklumat secara langsung (first-hand information) untuk kajian yang lebih mendalam.

Pengkaji telah tinggal bersama-sama dengan satu keluarga yang juga merupakan salah seorang daripada responden. Pengkaji telah menjalankan kajian di sana selama lebih kurang tiga minggu.

Kebetulan keluarga di mana pengkaji tinggal bersama itu mempunyai perniagaan kedai runcit. Pengkaji telah berpeluang untuk berkenalan dengan penduduk yang pergi ke sana untuk membeli barang. Ramai yang berkumpul di tempat itu pada waktu-waktu tertentu untuk bersembang dan minum. Pengkaji membantu tuan punya kedai menjual serta menyertai aktiviti mereka.

(ii) Temuduga Berdasarkan Soal-selidik

Satu set questionnaire yang mengandungi soalan telah disediakan. Pengkaji telah menggunakan questionnaire ini sebagai panduan semasa mengadakan temuduga dengan 40 orang responden wanita. Soal-selidik ini meliputi soal-soal mengenai latarbelakang kedudukan ekonomi, kehidupan kekeluargaan dan pemakanan.

Questionnaire yang disediakan mengandungi soalan tertutup dan juga soalan terbuka. Pengkaji cuba mencatitkan segala jawapan yang diberikan oleh responden-responden. Setiap perkataan yang digunakan,

cara-cara responden mengeluarkan perasaan adalah penting. Oleh kerana itu, pengkaji berusaha mencatitkan setiap patah perkataan yang diperkatakan.

(iii) Temuramah

Pengkaji telah melakukan temuramah dengan penduduk setinggan kampung FRI Kepong. Di sini, temubual secara informal dipentingkan.

Pengkaji telah berpeluang bertemuramah dengan ketua kampung jiran, golongan lelaki yang berkumpul di kedai kopi.

Semasa wanita-wanita ini berkumpul sesama mereka sendiri pada waktu senja, waktu lapang pengkaji menyertai perbualan mereka.

## 1.4 Kesulitan Kajian

Kerja luar pengkaji selama lebih kurang 3 minggu telah banyak menghadapi rintangan-rintangan dan halangan-halangan. Kesulitan-kesulitan kajian adalah seperti yang ternyata di bawah.

(i) Kesulitan Mendapatkan Responden-responden

Responden-responden merasa syak akan kehadiran pengkaji di kawasan mereka. Pengkaji sebagai seorang asing telah menimbulkan berbagai persoalan. Pada mulanya mereka mengesyaki pengkaji sebagai seorang agen kerajaan yang mengugat keamanan mereka. Mereka pada mulanya bimbang untuk menjadi responden. Tetapi setelah pengkaji menerangkan kedudukan pengkaji, tujuan pengkaji ke sana, mereka faham dan

sanggup bekerjasama. Mereka merasa lebih pasti atas diri pengkaji apabila pengkaji memberitahu mereka bahawa pengkaji tinggal bersama Cik Meng iaitu seorang yang dikenali ramai di kawasan itu.

Wanita-wanita di kawasan ini biasanya sibuk. Waktu lapang, mereka luangkan pada anak-anak. Kesulitan yang pengkaji hadapi ialah keadaan anak-anak ini yang sungguh bising mengganggu temuduga pengkaji dengan responden. Kanak-kanak ini merasa gembira dan mengikut pengkaji ke sana ke mari. Mereka enggan meninggalkan pengkaji. Keadaan semikian telah menyebabkan tiada 'privacy' dengan responden. Sebagai usaha untuk mengelakkan kanak-kanak ini, pengkaji telah meminta responden mengunci pintu rumah. Kanak-kanak masih berdiri di luar mengelilingi tingkap-tingkap rumah.

(ii) <u>Kesulitan Mengenai Questionnaire</u>

Kebanyakan responden wanita tidak berpelajaran. Apabila pengkaji mengadakan temuduga dengan soal-selidik, wanita-wanita ini merasa kurang senang. Pada mereka kaedah ini terlalu akademik. Mereka tidak bebas dalam meluahkan perasaan kerana segala yang diperkatakan akan dicatitkan oleh pengkaji. Pengkaji terpaksa menterjemahkan soal-selidik itu daripada bahasa Malaysia kepada bahasa Cina mengikut dialek-dialek mereka. Pengkaji menghadapi masalah apabila berhadapan dengan responden yang hanya faham dialek yang pengkaji tidak begitu fasih, contohnya Hakka.

Dalam hal ini, pengkaji telah mendapat pertolongan daripada seorang kawan yang telah membantu dalam terjemahan. Pembantu ini

kebetulan pula merupakan seorang yang dihormati oleh wanita di sana. Keadaan ini telah meredakan banyak keresahan dan ketegangan di antara responden dan pengkaji.

(iii) <u>Kesulitan Lokasi</u>

Rumah-rumah di kawasan ini telah dibina jauh ke dalam. Pengkaji terpaksa melalui lorong-lorong kecil untuk sampai ke rumah responden. Struktur pembangunan kawasan ini, menimbulkan perasaan was-was semasa melawati responden. Tambahan pula anjing-anjing ganas yang berkeliaran menyalak apabila melihat orang asing di kawasan itu. Pengkaji juga tidak merasa selamat dengan kehadiran pemuda-pemuda yang berkumpul di kawasan itu dan mengusik-usik gadis.

Walau bagaimanapun, pengkaji telah memberanikan diri dan masuk ke kawasan pendalaman. Pengkaji telah meminta bantuan seorang budak lelaki untuk menjadi pemandu jalan pengkaji. Di telah banyak membantu pengkaji terutamanya dalam mencari rumah responden.

1.5 <u>Latarbelakang Tempat Kajian</u>

Kampung FRI Kepong dibina menghadapi Jalan FRI. Jalan FRI ini menuju ke "Forest Research Institute"(FRI) iaitu satu pusat penyelidikan. Dari "Forest Research Institute" inilah Kampung FRI Kepong mendapat namanya.

Kampung FRI Kepong ialah kawasan perumahan setinggan. Menurut banci Mei/Jun 1984, Dewan Perbandaran Persekutuan, Kampung FRI Kepong

terdiri daripada 211 buah rumah keluarga, 7 buah rumah perdagangan, 51 buah industri dan 5 buah rumah ibadat iaitu tokong.

Dewan Perbandaran mempunyai perancangan untuk meruntuhkan rumah-rumah setinggan ini untuk membangunkan kawasan itu. Mengikut perancangan yang telah dibuat, kerajaan akan mendirikan 377 buah kilang-kilang menggantikan kawasan perumahan itu.

Saiz penduduk rumah ialah 7.16 orang dan jumlah penduduk kampung FRI Kepong ialah 1,561 orang. Majoriti penduduk kampung ini terdiri dari bangsa Cina.

Penduduk Kampung FRI Kepong yang bekerja boleh dibahagikan kepada kumpulan yang bekerja untuk orang apa yang dikatakan sebagai makan gaji dan kumpulan yang satu lagi bekerja sendiri.

Golongan lelakinya yang makan gaji, kebanyakannya adalah buruh-buruh kasar termasuklah bekerja dalam pembinaan rumah, bekerja di kilang-kilang perusahaan membuat perabot, pemandu lori dan lain-lain lagi. Hanya sebilangan kecil sahaja yang menjadi kerani bekerja di pejabat. Golongan yang bekerja sendiri, mereka menjalankan perniagaan sendiri dan perniagaan kecil seperti penjaja hingga perniagaan yang melibatkan modal berpuluh-puluh ribu ringgit.

'Perusahaan kecil' dan perniagaan kecil-kecilan biasanya merupakan perusahaan keluarganya di mana ahli-ahli keluarga menyumbangkan tenaga.

University of Malaya

Kampung FRI Kepong terletak berhampiran dengan bandar Kepong. Ini membenarkan mereka menikmati kemudahan-kemudahan yang terdapat di bandar Kepong seperti sekolah-sekolah, bank-bank, kedai-kedai, klinik-klinik dan sebagainya. Rumah-rumah di Kampung FRI Kepong dihubungi oleh jalan tanah merah antara satu sama lain. Jalan-jalan ini biasanya becak bila hujan turun lebat. Kampung FRI Kepong menikmati bekalan elektrik dan air paip yang memuaskan.

## 1.6 Konsep-konsep

### 1.6.1 Konsep Kemiskinan

Kemiskinan adalah suatu konsep yang mengandungi berbagai pengertian dan tanggapan serta mudah pula dipengaruhi oleh perasaan. Penggunaan dan pemahaman yang kurang tepat mengenai konsep ini akan memberi gambaran yang mengelirukan mengenai keadaan sebenar taraf hidup sesebuah negara dan sesebuah masyarakat. Kemiskinan sering digambarkan sebagai keadaan kekurangan zat makanan yang keterlaluan serta keperluan-keperluan asas untuk hidup seperti makanan, tempat tinggal dan pakaian di samping kebuluran, kelaparan yang meluas dan kerendahan maruah seseorang apabila ia terpaksa meminta sedekah untuk hidup. Ini adalah kemiskinan yang mutlak.

Di Malaysia, bilangan isirumah miskin dan kadar kemiskinan dikira berasaskan satu pendapatan garis kemiskinan. Kemiskinan telah dianggap sebagai keupayaan purata sesebuah isirumah untuk mendapatkan barang-barang dan perkhidmatan yang mencukupi. Pendapatan garis

University of Malaya

kemiskinan ditakrifkan sebagai pendapatan yang mencukupi untuk membeli keperluan makanan yang minima bagi mengekalkan sesebuah isirumah dalam keadaan yang sihat dari segi pemakanan dan keperluan-keperluan lain seperti pakaian dan alas kaki, sewa tempat kediaman, bahanapi dan tenaga, pengangkutan dan perhubungan, kesihatan, pelajaran dan rekreasi.

Dalam membuat perbandingan tingkat kemiskinan di antara kawasan bandar dan kawasan luar bandar, harus diberi perhatian terhadap perbezaan dalam keadaan hidup. Terdapat perbezaan dalam tingkat harga dan dalam kos hidup antara bandar dan luar bandar. Dianggarkan bahawa perbezaannya ialah di antara 10-12% dalam Index harga pengguna perbandingan. Perbezaan harga Index ini, menunjukkan bahawa kos hidup di bandar adalah lebih tinggi berbanding dengan kos hidup di luar bandar. Kawasan di bandar juga biasanya lebih sesak.

Ramai ahli-ahli sosiologi yang cuba mendefinasikan konsep kemiskinan. Rowntree (1951: 102) telah memberikan definasi subsistence untuk kemiskinan katanya,

> "My primary poverty line represented the minimum sum on which physical efficiency could be maintained. It was a standard of bare subsistence rather than living. In calculating it the utmost economy was practised.... A family living upon the scale allowed for in this estimate must ... be governed by the regulation, "Nothing must be bought but that which is absolutely necessary for the maintenance of physical health, and what is bought must be of the plainest and most economic description".

Menurut Rowntree, kemiskinan diwakili oleh jumlah minima yang mampu dibiayai untuk mengekalkan keperluan fizikal yang benar-benar penting sahaja.

Syed Husin Ali (1978: 5) menyimpulkan bahawa kemiskinan merupakan satu keadaan di mana:-

(1) wujud kekurangan mendapatkan keperluan asasi iaitu makanan, perumahan serta pakaian dan kemudahan sosial seperti air, api, hospital serta sekolah;

(2) dari segi ekonomi keadaan ini timbul sebab ketiadaan atau kekurangan kemampuan disebabkan oleh tingkat pendapatan, pemilikan dan pekerjaan yang rendah;

(3) dari segi sosial golongan yang dikatakan miskin itu menduduki lapisan bawahan dalam sistem susunlapis masyarakat.

Para ahli teori 'culture of poverty' mengatakan bahawa aspek ekonomi selalu berkait rapat dengan trait sosio-budaya.

Menurut Harrington (D.S. Oksman, 1978: 18), kemiskinan patut didefinasikan sebagai:

> ".... in terms of those who are denied the minimal levels of health, housing, food and education that our present stage of scientific knowledge species as necessary for life as it is now lived in the United States.... Poverty should be defined psychologically in terms of those whose place in the society is

> such that they are internal exiles who, almost inevitably, develop attitudes of defeat and pessimism and who are therefore excluded from taking advantage of new opportunities".

Harrington melihat kemiskinan dari aspek psikologi. Menurutnya kemiskinan atas ketiadaan tingkat minima kesihatan, perumahan, makanan dan pelajaran yang diperlukan untuk kehidupan kini dapat dilihat dari aspek psikologinya di mana mereka berada di dalam satu masyarakat yang mereka tidak dapat lari dari berkembangnya sikap pesimistik dan sikap kalah dan tercicir dari mengambil peluang-peluang yang baru.

Oscar Lewis merupakan seorang ahli teori Culture of Poverty yang pertama dan paling terkenal kerana menyarankan bahawa kemiskinan adalah satu kebudayaan iaitu satu cara hidup yang memberi sokongan sosial dan psikologi kepada individu.

Menurut Oscar Lewis lagi, trait budaya ini mungkin mula akibat dari deprivasi ekonomi, lalu mengikuti cara hidup mereka sendiri dan mengekalkannya dari satu generasi ke generasi yang lain mengikut jalinan keluarga.

Oscar Lewis juga telah memberikan sifat-sifat budaya miskin.

(1) <u>Perhubungan antara sub-budaya dan masyarakat besar</u>

Kekurangan integrasi dan penyertaan dalam institusi utama di dalam masyarakat yang besar merupakan sifat kemiskinan budaya ini yang genting. Perkara kompleks ini mungkin disebabkan oleh beberapa

faktor termasuklah kekurangan punca ekonomi, pengasingan dan diskriminasi, ketakutan, prasangka dan perkembangan penyelesaian masalah tempatan.

Pendapatan yang rendah, pengangguran membawa kepada pendapatan yang rendah, kekurangan pemilikan harta, ketiadaan simpanan, ketiadaan makanan simpanan di rumah, kekurangan wang tunai dalam tangan. Keadaan demikian mengurangkan kemungkinan penyertaan aktif dalam sistem ekonomi yang lebih besar. Sebagai tindakbalas ke atas keadaan ini dalam budaya miskin, kadar mengadai barang-barang kepunyaan sendiri adalah tinggi, meminjam wang dengan kadar bunga yang tinggi, kredit informal yang di-organisasikan oleh jiran, menggunakan barangan seperti pakaian dan perabot 'second-hand', corak pembelian adalah kerap dan pembelian ada-lah dalam kuantiti yang kecil dan dibeli banyak kali dalam sehari apa-bila diperlukan.

Orang yang memiliki budaya miskin menghasilkan kekayaan yang sedikit. Tingkat pembelajaran yang rendah tidak membenarkan mereka mengikut kesatuan sekerja atau menjadi ahli parti-parti politik. Secara amnya, mereka tidak terlibat dalam agensi kebajikan kebangsaan. Mereka jarang menggunakan bank, hospital dan muzium. Mereka mempunyai sikap yang kritikal terhadap institusi asas dan klas dominant, benci pada polis, tidak mempercayai kerajaan.

(2) Di tahap komuniti

Bila dilihat dalam budaya miskin, di peringkat komuniti didapati organisasinya adalah di tahap minima.

(3) Di tahap keluarga

Dalam budaya miskin, peringkat kanak-kanak tidak dipanjangkan dan peringkat hidup kanak-kanak tidak dilindungi, perhubungan sex yang awal, kadar pemisah isteri dan anak yang tinggi secara bandingan, trendnya adalah tertumpu pada wanita dan keluarga pihak wanita, pengetahuan yang lebih atas, keluarga maternal, kekurangan 'privacy' pertandingan atau barangan yang terhad.

(4) Di tahap individu

Sifat yang utama ialah perasaan hampa, tiada harapan, rasa rendah diri. Ini memberikan potensi yang tinggi untuk mengadakan "revolutionary protest", struktur ego yang rendah.

1.6.2 Peranan Wanita

Konsep peranan pada masa kini masih lagi kabur dan 'non-definitive'. Berbagai-bagai definasi peranan telah diberikan oleh tokoh-tokoh dan sarjana-sarjana. J.A. Jackson (1972: 3) mengatakan bahawa,

> "The concept of role is at present still rather vague, nebulous, and non-definitive".

Peranan merupakan perwatakan yang dimainkan mengikut jangkaan orang ramai. Ini merupakan tindakbalas kepada kedudukan sosial yang menjangka kelakuan dalam cara-cara tertentu. Kesemuanya berasaskan kepada jangkaan berkenaan dengan kelakuan normal seorang bapa kepada anak-anak, majikan-majikan kepada pekerja-pekerja, suami-suami kepada

isteri-isteri, ibu-ibu kepada anak-anak agar perhubungan sosial dapat diteruskan.

Linton (1945: 77) telah memberikan definasi peranan sebagai

> "... (the) sum total of the culture patterns associated with a particular status. It thus includes the attitudes, values and behaviour by society to any and all persons occupying this status".

Linton telah menggunakan status untuk menjelaskan corak kelakuan yang ideal dan peranan menjelaskan kelakuan sebenarnya.

Linton juga telah mengklasifikasikan peranan kepada dua kumpulan iaitu yang 'warisan' (ascribe) dan yang 'dicapai' (achieved). Kriteria-kriteria untuk peranan yang diwarisi mestilah yang nyata pada kelahiran, memberi kemungkinan agar ia dilatih serta-merta dan meninggalkan yang tidak tentu. Contohnya kriteria seperti seks, umur, perhubungan kinship kelahiran pada klas dan kasta tertentu. Peranan achieved yang diterima oleh seseorang, diberi kepada orang-orang yang dapat kelayakan untuk memegang sesuatu peranan. Pengklasifikasian ini diasaskan pada "mode allocation of roles".

Mengikut Friedl (1975: 1-4) terdapat dua golongan intelektual telah memberikan pandangan mereka masing-masing tentang peranan wanita dan lelaki. Satu golongan menegaskan bahawa perbezaan-perbezaan di antara wanita dan lelaki dari segi biologi dan psikologi adalah perlu dan berkesan dalam pembahagian hak-hak dan tugas-tugas kepada wanita dan lelaki di semua masyarakat.

Kumpulan yang kedua mengatakan bahawa peranan jantina merupakan satu fungsi, bukannya warisan biologi. Sebaliknya peranan jantina adalah berasaskan pada sosial dan keadaan budaya.

Kumpulan yang pertama yang menekankan perbezaan-perbezaan biologi dan psikologi mengingati kita bahawa wanita bekerja dalam konteks domestic dalam lingkungan rumahtangga dan seringkali terhad dalam konteks itu. Wanita di hampir semua tempat bertanggungjawab menjaga bayi-bayi dan anak-anak kecil, dan untuk memasak. Dikatakan bahawa wanita diketepikan dari kegiatan-kegiatan tertentu. Mereka tidak pernah memegang tanggungjawab dalam memburu binatang-binatang liar.

Golongan tersebut juga percaya bahawa pembahagian tenaga antara lelaki dan wanita adalah menurut 'sexual dimorphism' dalam Homo sapiens. Perbezaan fizikal antara kedua-dua jantina itu jelas menunjukkan lelaki secara purata adalah lebih besar dari wanita. Lelaki terdaya dan mempunyai tenaga otot yang lebih. Wanita pula, ada bentuk 'pelvic atatomy' yang sesuai untuk mengandung anak, menghindarkannya berlari secepat lelaki. Hormon lelaki menghasilkan kelakuan yang lebih aggresif. Perubahan hormon wanita semasa pusingan haid menghasilkan perbezaan dalam ketepatan pengamatan, co-ordinasi otot-otot dan juga penumpuan fikiran berubah-ubah sepanjang setiap bulan. Tambahan pula, penghamilan, penglahiran anak, penyusuan anak dan jangkamasa yang agak panjang bersama bayi dan anak-anak kecil, menyebabkan wanita sibuk dan mengakibatkan peluang terhad dalam menyertai aktiviti-

aktiviti di luar rumahtangga seperti peperangan dan politik. Kesimpulan juga dibuat bahawa wanita secara langsung tidak mempunyai kuasa dalam sosial dan awam.

Kumpulan yang menentang kumpulan yang pertama, menekankan bahawa di setengah-setengah masyarakat, wanita tidak hanya melibatkan diri secara tidak langsung dalam politik telah memegang kuasa politik dalam hak mereka. Mereka mengatakan tentang penglibatan wanita dalam kegiatan ekonomi yang 'non-domestic'. Contohnya kegiatan hasil kerja tangan seperti menganyam, membuat periuk-belanga, menjahit dan sebagainya. Kegiatan-kegiatan seperti ini dianggap sebagai tugas 'biasa' di satu masyarakat tetapi di masyarakat lain, ia dianggap sebagai kegiatan ataupun tugas 'biasa' lelaki. Ada wanita yang mengangkut batu-bata dan bahan-bahan pembinaan di setengah-setengah masyarakat dan di masyarakat lain pula, dilakukan oleh lelaki.

Rosalda (1974: 24) memberi definasi peranan wanita dengan mengatakan bahawa,

> "Woman become absorbed primarily in domestic activities because of their role as mothers. Their economic and political activities are constrained by the responsibilities of child care, and the focus of their emotions and attentions in particularistic and directed toward children and the home".

Beliau juga mengatakan kedudukan status wanita terletak di bahagian terendah sekali dalam masyarakat yang membezakan antara ruang 'domestic' dan 'public'.

Rosalda (1974: 36) mengatakan bahawa,

> "Women's status will be lowest in those societies where there is a firm differentiation between domestic and public spheres of activity and where women are isolated from one another and placed under a single man's authority in the home".

Lloyd (1965: 20) pula mengatakan:

> "Woman may control a good part of the food supply, accumulate cash, trade in distant and important markets, yet when approaching their husbands, wives must feign, ignorance and obedience, kneeling to serve the men as they sit".

University of Malaya

# BAB II

## PERANAN WANITA DALAM RUMAHTANGGA

Keluarga merupakan unit sosial yang terkecil dalam sesebuah masyarakat. Masyarakat Cina Kampung FRI Kepong terdapat dua jenis keluarga iaitu keluarga nuklear dan keluarga luas.

Keluarga nuklear ialah unit keluarga asas yang terdiri daripada seorang suami dan isteri serta anak atau anak-anak yang masih belum berkahwin. Keluarga luas pula, terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga generasi iaitu suami, isteri, keluarga nuklear anak yang telah berkahwin termasuk anak menantu dan cucu, serta anak-anak yang belum berkahwin, tinggal bersama dalam satu rumah.

Jadual 2:1 Jadual Menunjukkan Jenis Keluarga yang terdapat di Kampung FRI Kepong

| Jenis Keluarga | Bilangan | Peratus (%) |
|---|---|---|
| Keluarga nuklear | 22 | 55 |
| Keluarga luas | 18 | 45 |
| Jumlah | 40 | 100 |

Jadual 2:1 menunjukkan bahawa 55% daripada responden adalah dari keluarga nuklear sementara hanya 45% sahaja mempunyai keluarga luas.

University of Malaya

## 2.1 Peranan Wanita Sebagai Seorang Isteri

Daripada 40 orang responden, 92.5% daripada responden telah mendirikan rumahtangga. Wanita-wanita ini berkahwin pada purata umur 22.05 tahun. Gadis-gadis diorientasi dan diasuh ke arah mendirikan rumahtangga semenjak usia yang muda lagi. Ibu-ibu membesarkan anak-anak perempuan untuk memenuhi tujuan ini. Anak-anak perempuan dilatih melakukan kerja rumah seperti memasak, membasuh, menjaga adik, mengemas rumah sebagai persediaan sebelum melangkah ke alam rumahtangga sebagai seorang isteri.

Memiliki teman lelaki pada usia belasan tahun tidak dibantah malah mendapat galakkan daripada ibubapa. Keadaan ini diteguhkan lagi oleh faktor tahap pelajaran yang rendah. Golongan wanita dan tidak ketinggalan juga, golongan lelaki dalam masyarakat Kampung FRI Kepong tidak berminat dalam melanjutkan pelajaran mereka. Tambahan pula keadaan keluarga yang serba kekurangan tidak mampu menanggung kos pelajaran mereka. 72.22% responden wanita tamat di bawah sekolah rendah.

Pada asasnya peranan wanita sebagai seorang isteri ialah untuk memastikan kehidupan keluarga berjalan dengan licin dan lancar. Suami merupakan punca utama ekonomi keluarga. Suami ialah ketua sebuah keluarga yang bekerja mencari nafkah. Dalam sebuah keluarga seorang isteri melahirkan anak, mendidik anak, memasak dan mengemas rumah.

University of Malaya

Peranan seorang wanita dalam rumahtangga menunjukkan sedikit sebanyak perbezaan dalam keadaan-keadaan keluarga yang berlainan contohnya peranan wanita dalam keluarga nuklear dan peranan dalam keluarga luas adalah berbeza. Di antara wanita yang melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi dan yang menjadi suri rumahtangga juga terdapat perbezaan.

54.05% daripada responden yang telah berkahwin mempunyai jenis keluarga nuklear. Kebanyakan daripada mereka berpecah daripada jenis keluarga luas iaitu dengan mendirikan rumah sendiri berhampiran dengan rumah ibubapa mertua mereka. Jarak daripada rumah ibubapa mertua adalah lebih kurang di antara 50 meter hingga 150 meter. Memandangkan jarak yang begitu dekat maka sudah pasti keluarga nuklear ini masih mempunyai hubungan yang rapat dengan ahli-ahli keluarga yang lain.

Dalam keluarga nuklear, pada asasnya suaminya adalah ketua keluarga. Beliaulah yang memegang kewibawaan dalam membuat keputusan penting terhadap anak-anak, perbelanjaan-perbelanjaan besar. Hak isteri memberi cadangan-cadangan adalah tertakluk kepada suami. Biasanya, kewibawaan isteri adalah terhad kepada pada hal-hal dalam rumahtangga seperti memilih bahan makanan yang hendak dimasak dan perhiasan di dalam rumah. Suami mempunyai kewibawaan yang lebih berbanding dengan isteri mungkin kerana suami merupakan punca ekonomi utama pada keluarga. Suami mempunyai tanggungjawab dalam soal mencari wang atau pendapatan untuk menyara keluarga.

University of Malaya

Puan Ng menjadi ahli satu keluarga nuklear. Keluarganya terdiri dari 8 orang iaitu anak lelaki, 3 orang anak perempuan dan suaminya. Perkahwinan Puan Ng telah berlalu selama 20 tahun. Anak sulung Puan Ng berumur 19 tahun dan anak bongsunya berumur 3 tahun. Suaminya sendiri telah membina rumah yang mereka tinggal sekarang. Jaraknya lebih kurang 100 meter dari rumah ibubapanya.

Kes Puan Ng merupakan keadaan di mana suaminya tidak memenuhi tanggungjawabnya sebagai seorang ketua rumah untuk sepanjang jangkamasa 20 tahun perkahwinan mereka. Keadaan bertambah buruk, sejak 5 tahun kebelakangan ini bila suami Puan Ng menjadi kaki botol. Suaminya selalu pulang ke rumah dalam keadaan mabuk dan malas bekerja. Dalam keadaan yang sedemikian, sebagai seorang isteri, Puan Ng terpaksa mengambilalih tanggungjawab suaminya dalam menyara keluarga. Puan Ng mengadu bahawa suaminya yang tidak bertanggungjawab itu telah menyebabkannya hidup merana. Untuk mencari nafkah hidup, beliau menjalankan perniagaan kecil menjual mee goreng dengan bantuan anak sulungnya. Puan Ng bangun awal pada pukul 5.00 pagi untuk membuat mee dan menyediakan bahan-bahan untuk perniagaan. Sebahagian dari jualannya diambil untuk sarapan pagi keluarganya. Jadi Puan Ng tidak perlu menyediakan sarapan pagi secara berasingan. Ini menjimatkan masa dan tenaganya. Beliau memulakan perniagaan pada pukul 7.00 pagi sehingga 11.00 pagi. Semasa beliau keluar berniaga, anak perempuannya yang berumur 17 tahun membantu ibunya menjaga adik kecilnya yang berumur 3 tahun.

Selepas perniagaan di sebelah pagi, Puan Ng akan tergesa-gesa memasak makan tengahari sebelum dua orang anaknya pulang dari sekolah. Beliau juga membasuh dan mengemas rumah. Bila sampai waktu petang, pada lebih kurang pukul 3.00 petang, ia akan mulakan lagi persediaan untuk perniagaan mee pada waktu malam sebelum ia masak untuk makan malam. Beliau mula berniaga pada pukul 8.00 malam sehingga 12.00 tengah malam. Bila pulang ke rumah, barulah ia dapat membersihkan dirinya untuk tidur iaitu pada pukul 1.00 pagi. Di dapati kehidupan Puan Ng bermula dari pukul 5.00 pagi hinggalah 1.00 pagi. Bila Puan Ng bangun pada keesokan harinya, pusingan hidupnya akan berulang semula. Masa rehat baginya hanyalah sewaktu tidur sahaja. Puan Ng hanya tidur selama 4 jam sahaja sehari berbanding dengan jumlah jam yang sepatutnya ialah 6 jam untuk orang dewasa. Puan Ng bekerja keras untuk menanggung keluarganya sebagai seorang isteri.

Seorang isteri yang tidak bekerja dalam bidang ekonomi biasanya mempunyai lebih masa lapang. Masa dan tenaganya tertumpu sepenuhnya pada rumahtangga. Peranan mereka sebagai seorang isteri berkisar di sekeliling memasak dan menyaji makanan untuk suami dan anak-anak, membasuh pakaian dan mengemas rumah.

Puan Teh pula tinggal dalam keluarga gabungan. Keadaan keluarga gabungan memerlukan kerjasama dari setiap ahli untuk menjaga keamanan. Biasanya ibubapa mertua yang menjadi ketua. Keluarga gabungan Puan Teh terdiri dari 3 keluarga nuklear, adik-beradik suami

yang belum berkahwin serta ibubapa mertua. Kesemuanya tinggal di bawah satu bumbung dan berkongsi satu dapur. Sebagai seorang isteri yang masuk ke dalam keluarga suaminya, Puan Teh terpaksa menyesuaikan dirinya dengan keluarga mertuanya. Beliau haruslah tunduk kepada kehendak-kehendak ibubapa mertuanya. Pada keseluruhannya, ibubapa mereka mempunyai kuasa yang lebih terhadap Puan Teh berbanding dengan suaminya. Suami Puan Teh yang dibesarkan dalam suasana di mana anak diajar tunduk kepada kehendak ibubapa biasanya menurut sahaja. Ini mengurangkan konflik. Kebanyakan masa suami dihabiskan di luar rumah mencari nafkah. Puan Teh sebagai seorang isteri sentiasa berada di rumah.

Keluarga luas Puan Teh, mengamalkan prinsip kerjasama. Puan Teh mempunyai dua orang kakak ipar dan seorang adik ipar. Masing-masing menjalankan kerja rumah bersama. Puan Teh mencuci pakaian kesemua ahli keluarga, sedangkan salah seorang kakak iparnya memasak untuk seluruh keluarga gabungan dan yang lain masing-masing mengemas rumah, menyapu dan menjaga anak-anak termasuk dibantu oleh ibu mereka. Peranan mereka dibahagi-bahagikan di antara mereka. Dalam keadaan yang sedemikian, kadang-kadang berlaku salah faham di antara adik, kakak ipar sendiri dan lebih kerap ialah dengan ibu mertua. Dalam hal yang sedemikian, biasanya suami tidak suka campur tangan.

Peranan isteri yang menjadi ahli keluarga nuklear pada keseluruhannya lebih berat berbanding dengan ahli keluarga gabungan terutama pada isteri yang melibatkan diri dalam bidang ekonomi. Apabila

University of Malaya

isteri dari keluarga gabungan keluar bekerja, tugas-tugas rumahtangganya seperti memasak, mengemas rumah diambilalih oleh ahli-ahli lain dalam keluarganya. Kebanyakan daripada anak-anak isteri yang bekerja, dijaga oleh ibu mertuanya atau ahli-ahli keluarga lain seperti adik-adik yang belum berkahwin ataupun ipar mereka. Wanita-wanita memainkan peranannya dalam membantu suaminya menyara kehidupan keluarga.

Terdapat kes-kes di mana isteri dari keluarga gabungan yang lebih rela keluar bekerja untuk mengelakkan kerja-kerja rumah. Misalannya Puan Chan yang menjadi ahli keluarga gabungan termasuklah kedua-dua ibubapa mertuanya, dua keluarga nuklear abang iparnya dan tiga orang adik iparnya yang belum berkahwin. Puan Chan berkata bahawa dia merasa lebih gembira bekerja di luar daripada menjalankan tugas-tugas di rumah. Suami Puan Chan tidak menghalang isterinya daripada bekerja di kilang walaupun pendapatannya tidak seberapa iaitu lebih kurang $120/-. Pendapatan Puan Chan hanya cukup digunakan sebagai bayaran untuk penjagaan anaknya oleh ibu mertua. Menurut Puan Chan lagi, dalam keluarga gabungannya banyak berlaku konflik di antara ahli-ahli keluarga. Puan Chan sebagai isteri terpaksa bersabar demi untuk kebaikan diri serta suaminya.

Konflik kerap berlaku dalam keluarga gabungan. Perasaan irihati, dengki dan salah faham adalah perkara biasa. Ini menyebabkan perpecahan kepada keluarga nuklear di mana sesebuah keluarga mengambil keputusan untuk tinggal berasingan. Keadaan ini berlaku terhadap

University of Malaya

beberapa responden yang sekarang mempunyai keluarga nuklear. Terdapat juga dua orang isteri yang ditemui mengeluarkan hasratnya untuk berpecah dari keluarga luas kerana tidak tahan konflik yang berlaku dalam keluarga luas. Mereka hanya menunggu masa yang sesuai sahaja untuk berpindah.

Pada asasnya tugas wanita sebagai seorang isteri adalah sebagai seorang teman, pembantu kepada suami dalam sesuatu keluarga. Wanita-wanita ini dari pagi hinggalah waktu malam sentiasa sibuk. Tugas pertamanya ialah menyediakan sarapan pagi, menjaga anak, memasak, mencuci pakaian, mengemas rumah, dan memasak.

2.2 <u>Peranan Wanita Sebagai Seorang Ibu</u>

Sesebuah keluarga adalah tidak lengkap tanpa kehadiran anak-anak. Anak-anak adalah bagaikan mutiara sesebuah rumahtangga. Kebahagian seseorang wanita ialah melahirkan anak kepunyaan suaminya dan membesarkan mereka.

Peranan wanita sebagai seorang ibu bermula dari saat di mana anak sulung mereka dilahirkan. Komuniti Cina Kampung FRI Kepong, mengutamakan anak lelaki. Pada penilaian mereka, anak lelakilah yang akan meneruskan keturunan mereka. Keluarga Cina adalah bersifat patrilineal. Sebaliknya membesarkan anak-anak perempuan dianggap sebagai satu kerugian kerana bila anak-anak perempuan dikahwinkan ia akan

menjadi hak orang lain. Ideologi sedemikian dipegang lebih teguh oleh generasi lebih tua iaitu ibubapa mertua terutamanya. Oleh itu, harapan suami-isteri ialah untuk memperolehi lebih ramai orang anak lelaki berbanding dengan anak perempuan.

Jadual 2:2 Menunjukkan Bilangan anak Responden-responden Wanita yang telah berumahtangga mengikut umur.

| Umur Ibu \ bilangan anak | 0-2 | 3-5 | 6-8 | 9 keatas | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| 28 - 35 | 9 | 9 | - | - | 18 |
| 36 - 43 | - | 7 | 5 | - | 12 |
| 44 - 51 | - | 1 | 3 | 1 | 5 |
| 52 - 59 | - | - | - | - | - |
| 60 - 67 | 1 | - | - | - | 1 |
| 68 - 75 | 1 | - | - | - | 1 |
| Jumlah | 11 | 17 | 8 | 1 | 37* |

* 37 orang responden telah berkahwin dan 3 belum kahwin

Dari Jadual 2:2, dapat dilihat bahawa wanita-wanita di sini berkecenderungan melahirkan anak yang ramai. Ibu-ibu yang mempunyai anak seramai 3-5 orang, merupakan ibu-ibu yang berumur di antara lingkungan umur 28-39 tahun. Mereka masih berkemampuan untuk melahirkan

University of Malaya

anak-anak. Kemungkinan bilangan anak bertambah adalah lebih besar lagi kerana tiada seorang pun responden wanita di Kampung FRI Kepong yang mengamalkan perancangan keluarga. Keadaan yang sedemikian berlaku akibat beberapa sebab. Sekumpulan wanita tidak berani mengamalkan perancangan keluarga kerana takut akan bahaya dan kesan buruk terutamanya dari pil-pil. Sebahagiannya pula sememangnya hendakkan anak yang ramai. Pada pendapat mereka anak-anak merupakan kurnia dan harta keluarganya. Mereka sememangnya mengharapkan lebih ramai anak lelaki.

Peranan ibu sangatlah mustahak dalam membentuk peribadi seseorang anak. Ibulah punca kasih sayang dan menemui keperluan asas untuk anak-anaknya. Keperluan asas yang dimaksudkan ialah mengurus dan menyediakan makanan, pakaian, perlindungan dan penjagaan, didikan, pelajaran dan pengetahuan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa tanpa ibu, kehidupan dan pembesaran seseorang anak tidaklah lengkap.

Peranan wanita sebagai seorang ibu, berubah dari satu peringkat ke peringkat yang lain, mengikut peringkat umur anak-anak. Secara kasarnya, boleh dibahagikan peringkat-peringkat umur semua anak kepada empat peringkat.

(i) Peringkat sebelum persekolahan
(ii) Peringkat persekolahan
(iii) Peringkat pekerjaan
(iv) Peringkat anak-anak berumahtangga

Peringkat sebelum persekolahan ialah peringkat ketika anak-anak di bawah umur 7 tahun. Seorang ibu terpaksa melakukan hampir segala-galanya untuk anak-anak mereka yang kecil. Dari pagi hingga malam ibu-ibu akan sibuk dengan hal-hal anak. Ibu akan memasak untuk anak, memandikan mereka, mengenakan pakaian, membasuh, mengawas gerak-laku mereka sepanjang masa, bermain bersama anak-anak. Di peringkat ini, peranan ibu sangat berat dari segi fizikalnya, terutamanya jika bayi menangis pada waktu malam meminta perhatian. Biasanya ibulah yang terpaksa mengheret badan yang inginkan tidur dari katil untuk menyusukan anak. Si bapa jarang melakukan peranan ini. Salah seorang dari responden mengatakan bahawa suaminya hanya akan menolong sekiranya si isteri tidak sihat.

Memanglah peranan ibu di waktu anak-anak masih kecil sangatlah mencabar. Mujurlah pada peringkat itu, ibu-ibu masih lagi muda usia mereka. Tubuh badan wanita masih lagi kuat dan terdaya memenuhi tanggungjawab mereka sebagai ibu.

Puan Lim merupakan ibu kepada tiga orang anak. Yang bongsu berumur 1½ bulan dan yang sulung berumur 6 tahun. Suami Puan Lim telah meninggal dunia. Sebagai seorang ibu kepada anak-anak yang masih kecil, beliau terpaksa memainkan kedua-dua peranan sebagai seorang ibu dan ayah. Tanggungjawab yang ditanggung oleh Puan Lim adalah sangat berat. Beliau terpaksa bekerja sebagai seorang kerani untuk menanggung anak-anaknya. Puan Lim sebagai seorang ibu menyediakan keperluan-

University of Malaya



Gambar A : Menunjukkan seorang ibu bersama anak-anaknya di halaman rumah pada waktu petang.

keperluan asas anak-anaknya. Puan Lim tidak mampu untuk mengupah orang gaji untuk menjaga anaknya semasa dia bekerja. Oleh itu, Puan Lim akan membawa ketiga-tiga orang anaknya ke tempat kerja. Ke mana sahaja Puan Lim pergi, akan diheret anak-anaknya bersama-sama.

Apabila anak-anak membesar dan melangkah ke alam sekolah, sebahagian dari tanggungjawab ibubapa diserahkan kepada guru-guru sewaktu anak-anak mereka berada di sekolah. Ibu-ibu rasa lebih senang apabila anak-anak pergi ke sekolah. Ketika itulah ibu-ibu lebih lapang. Pada peringkat ini, peranan ibu ialah menyediakan alat-alat keperluan

sekolah seperti pakaian seragam, buku-buku dan alat-alat tulis. Biasabya anak akan terlebih dahulu menghadap ibu sebelum ayah mereka, semasa membuat sebarang permintaan. Ini mungkin kerana ibu lebih kerap berada di rumah berbanding dengan ayah yang keluar mencari nafkah.

Ibu-ibu di Kampung FRI Kepong, jarang-jarang memberi penekanan kepada pelajaran anak-anak mereka. Wanita-wanita ini tidak patut dipersalahkan dalam hal ini kerana diri mereka sendiri tidak berpelajaran tinggi. 88.88% daripada responden-responden itu hanya berpendidikan di bawah tingkatan 3. Keadaan wanita ini menyebabkan mereka tidak sedar akan kepentingan pelajaran anak-anak. Pada pandangan mereka, tiada gunanya belajar tinggi-tinggi terutamanya pada anak-anak perempuan, ianya merupakan suatu pembaziran. Akibat pandangan ibubapa yang sedemikian dan tambahan pula keadaan keluarga yang miskin, anak-anak yang lebih tua terpaksa berhenti sekolah untuk membantu keluarga dalam bidang kewangan. Harapan ibubapa ialah agar anak-anak yang cukup dewasa keluar bekerja untuk membantu menyara adik-adik lain yang masih kecil.

Keadaan ini berlaku di dalam keluarga Puan Ng. Anak sulung perempuan Puan Ng terpaksa berhenti sekolah dalam Tingkatan Dua untuk membantu lima orang adik-beradiknya yang lain. Tambahan pula, suami Puan Ng ialah seorang kaki botol. Harapan Puan Ng sebagai seorang ibu yang memikul tanggungjawab dalam keluarga ialah agar anak-anaknya akan membesar. Anak yang lebih tua mestilah membantu adik-adik kecil. Puan Ng tidak langsung memberatkan pelajaran anak-anaknya. Anak

perempuannya yang kedua juga berhenti sekolah Darjah lima untuk membantu ibunya menjaga adik di rumah. Puan Ng terpaksa menjual mee untuk menanggung perbelanjaan keluarga. Adanya anak-anak yang keluar bekerja merenggangkan Puan Ng. Sebahagian dari tugas Puan Ng di rumah telah diambilalih oleh anak perempuannya seperti tugas menjaga anak kecil, mengemas, dan mencuci. Puan Ng hanya memasak di samping menjual mee.

Dalam keadaan serba miskin, tumpuan utama wanita sebagai ibu ialah untuk membesarkan anak. Asalkan anak-anak tidak sakit atau cacat, mereka sudah puas hati. Kebanyakan daripada ibubapa dalam komuniti Kampung FRI Kepong tidak mempunyai harapan yang tinggi untuk masa depan anak-anak mereka. Rasa tanggungjawab mereka sebagai ibubapa ialah untuk membesarkan anak perempuan dengan harapan untuk dikahwinkan bila cukup umur. Ibubapa mengharapkan agar anak lelaki boleh menanggung keluarganya sendiri dan ibubapa di waktu tua kelak. Asalkan anaknya mempunyai kerja bila dewasa, mereka rasa lega walaupun pendapatan anak mereka tidak seberapa sebagai seorang buruh kasar.

Puan Gan yang berumur 51 tahun merupakan seorang ibu kepada enam orang dewasa yang telah bekerja. Segala tugas Puan Gan dalam menyusukan anak, memandikan anak telah berlaku. Di peringkat ini, Puan Gan lebih banyak menumpukan perhatian kepada hal ehwal perkahwinan anak-anaknya. Puan Gan sentiasa menggalakkan anak-anaknya untuk mendirikan rumahtangga. Beliau cuba mengenalkan anak dara dan anak teruna jiran dengan anaknya.

Walaupun Puan Gan mempunyai anak-anak yang telah bekerja dan anak-anaknya rela menanggungnya tetapi ia lebih rela bekerja. Puan Gan menjadi tukang cuci pinggan mangkuk di sebuah kedia kopi. Menurut Puan Gan, ia tidak biasa duduk diam tanpa membuat sebarang kerja kerana sejak muda ia telah mula bekerja kuat membesarkan anak-anak, membantu hal-ehwal kewangan keluarga. Bekerja keras adalah sebahagian dari darah daging Puan Gan. Begitulah keadaan hidup kebanyakan wanita-wanita di Kampung FRI Kepong. Mereka sangat gigih bekerja. Misalnya Puan Lee yang berumur 75 tahun mengusahakan sebuah kebun kecil menanam sayur-sayuran seperti terung, kacang panjang, cili untuk menjimatkan perbelanjaan keluarga. Seorang lain iaitu Puan Tam yang berumur 60 tahun masih membuat kuih dan menjualnya setiap pagi sambil menonggang basikal tuanya.

Hati seorang ibu tentu gembira tak terhingga ketika menimbang cucu. Mungkin saat paling gembira dalam hidup kedua-dua ibubapa ialah ketika mendokong cucu mereka buat pertama kalinya. Ibu sering membantu dalam penjagaan cucunya.

Biasanya ibu akan campur tangan dalam hal-ehwal rumahtangga anak lelaki tetapi tiada ataupun kurang mempunyai hak dalam hal rumahtangga anak perempuan. Anak menantu kerap juga berbincang dengan ibu mertua untuk mendapatkan nasihat dan kebenaran sebelum mengambil suatu tindakan.

Isteri dalam keluarga gabungan kurang mempunyai kuasa berbanding dengan isteri dalam keluarga nuklear. Kerapkali isteri dalam keluarga gabungan, terpaksa tunduk kepada kehendak-kehendak ibubapa mertua. Isteri keluarga nuklear lebih berpeluang mengeluarkan pendapat dan memberi cadangan kepada suaminya.

Peranan dan pertolongan ibu-ibu sangat-sangat dihargai apabila anak-anak menantu mereka melahirkan anak. Ibu sebagai seorang tua yang matang lebih berpengalaman menguruskan hal-hal menyambut dan menjaga bayi. Biasanya orang Cina mengamalkan pantang selama 40 hari dari hari melahirkan anak. Ibu akan memasak makanan khas yang dianggap berzat untuk menantunya dan diberi tunjukajar serta petua-petua agar kesihatan anak menantunya dapat dipulihkan. Ibu juga menolong memandikan cucunya. Dalam keadaan begini, terutamanya wanita yang melahirkan anak sulungnya, mereka menghargai kehadiran ibu mertuanya untuk memberi tunjukajar.

## 2.3 Kesihatan Ibu-Ibu

Daripada kajian yang telah dijalankan, didapati 80% daripada responden yang mempunyai status ibu, pergi ke klinik bidan atau hospital kerajaan untuk pemeriksaan semasa mengandung sementara 20% lagi tidak berbuat demikian. Mereka yang tidak pergi untuk pemeriksaan semasa mengandung, merupakan generasi tua yang berumur di antara 40-75 tahun.

Menurut wanita-wanita ini, mereka tidak tahu kepentingan pemeriksaan pada masa dulu.

Jadual 2:3 Menunjukkan tempat ibu-ibu bersalin anak yang bongsu.

| Tempat | Bilangan | Peratus (%) |
|---|---|---|
| Hospital | 23 | 65.71 |
| Klinik | 8 | 22.86 |
| Balik ke kampung | - | - |
| Bersalin di rumah sendiri | 4 | 11.43 |
| Jumlah | 35* | 100.00 |

*35 orang daripada wanita yang pernah bersalin

2 orang daripada wanita tidak mempunyai anak

3 orang belum berkahwin

65.71% daripada ibu bersalin di hospital, 22.86% di klinik sementara hanya 11.43% bersalin di rumah mereka sendiri. Wanita di sini lebih gemar bersalin di hospital berbanding dengan bersalin di rumah.

Tiga orang daripada ibu pernah mengalami keguguran akibat kemalangan yang berlaku. Dua orang yang lain pula menggugurkan anak

mereka kerana jarak di antara satu anak dengan yang lain terlalu dekat. Tiada kes-kes responden yang menunjukkan keguguran berlaku akibat kekurangan zat makanan. Dua orang ibu, anak mereka meninggal dunia semasa masih kecil lagi kerana terkena air panas dan demam panas.

Pada keseluruhannya, taraf kesihatan wanita-wanita di Kampung FRI Kepong agak memuaskan. Tiada laporan kes tentang penyakit yang dihadapi oleh responden.

University of Malaya

## BAB III

## WANITA DALAM BIDANG EKONOMI

### 3.1 Wanita Sebagai Buruh Diupah dan Buruh Tidak Diupah

Menurut laporan Jabatan Buruh (1980: 7-17) pekerjaan boleh dibahagikan kepada 9 kategori yang besar. Kategori-kategori pekerja itu adalah seperti berikut:

(1) Profesional, teknikal dan pekerja-pekerja yang berkaitan.

(2) Pekerja Pentadbiran

(3) Kerani dan pekerja berkaitan

(4) Penjual (Sales workers)

(5) Pekerja perkhidmatan (service workers)

(6) Pertanian, penternakan, perhutan, nelayan dan pemburu

(7) Pengeluaran dan pekerja berkaitan

(8) Peralatan kenderaan dan operator

(9) Buruh-buruh

Ketua rumah kawasan setinggan ini bergantung kepada pekerjaan bandar untuk memperolehi pendapatan mereka dan sebahagian besarnya adalah dari sektor ekonomi formal. 36.7 peratus daripada suami responden

University of Malaya

Jadual 3:1 Penglibatan Bidang Pekerjaan oleh Responden Wanita dan Suami

| Kategori Pekerjaan | Bil. Wanita | Peratus | Bil. Suami | Peratus |
|---|---|---|---|---|
| Profesional, teknikal dan pekerja-pekerja yang berkaitan | 1 | 3.7 | 0 | 0 |
| Pekerja Pentadbiran | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Kerani dan Pekerja berkaitan | 2 | 7.4 | 2 | 6.7 |
| Penjual | 11 | 40.8 | 9 | 30 |
| Pekerja Perkhidmatan | 2 | 7.4 | 0 | 0 |
| Pertanian, penternakan, perhutanan, nelayan dan pemburu | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Pengeluaran dan pekerja berkaitan | 9 | 33.3 | 4 | 13.3 |
| Peralatan kenderaan dan Operator | 0 | 0 | 4 | 13.3 |
| Buruh-buruh | 2 | 7.4 | 11 | 36.7 |
| Jumlah | 27* | 100.0 | 31+ | 100.0 |

* 13 orang responden wanita lain tidak terlibat dalam bidang pekerjaan.

\+ 3 orang responden masih belum berkahwin

4 orang responden, suami mereka tidak bekerja

2 orang responden, suami mereka telah meninggal dunia

1 orang responden telah bercerai

University of Malaya

bekerja sebagai buruh. Kebanyakan daripada mereka merupakan buruh kasar dalam pembinaan, perkayuan, pengecat, pemandu bas, pemandu lori dan lain-lain lagi. Purata pendapatan yang diterima dari pekerjaan mereka ialah $595 sebulan untuk purata bilangan ahli keluarga seramai 6 orang. Keperluan minima bagi saiz keluarga ini mengikut anggaran pengkaji sendiri yang berdasarkan keperluan asas untuk makanan, pakaian, bahanapi, kenderaan dan lain-lain lagi ialah lebih kurang $600 sebulan mengikut taraf hidup bandar. Jadi dalam sebuah rumahtangga setinggan ketua keluarga mendapati sukar untuk membela keluarganya dengan kadar pendapatannya. Keadaan menjadi lebih genting lagi dalam masa kemelesetan ekonomi ini. Pekerjaan menjadi semakin tergugat menyebabkan pendapatan mereka tidak tetap; malah dua suami responden hilang pekerjaan mereka.

Memandangkan keadaan ketua rumah yang tidak mampu menyara keluarga dengan baik maka sebahagian besar daripada wanita terpaksa bekerja. 67.5 peratus daripada responden wanita terlibat dalam bidang ekonomi. Jadual 3:1 menunjukkan penglibatan responden-responden wanita dan suami mereka di dalam kategori-kategori pekerja yang tertentu. Didapati 40.8% daripada responden wanita ini terlibat dalam bidang penjualan, termasuklah menjadi penjual mee, penjual roti, pembantu kedai runcit, pembantu rumah dan sebagainya. Sementara 33.3 peratus pula bekerja di kilang-kilang seperti kilang memproses mee, kilang memproses ikan, dan menjahit baju.

University of Malaya

Jadual 3:2 Menunjukkan Jumlah Pendapatan Responden Wanita yang Bekerja

| Pendapatan ($) | Bilangan | Peratus (%) |
|---|---|---|
| 1 - 200 | 4 | 14.8 |
| 201 - 400 | 13 | 48.2 |
| 401 - 600 | 5 | 18.5 |
| 601 - 800 | 3 | 11.1 |
| 801 dan keatas | 2 | 7.4 |
| Jumlah | 27 | 100.0 |

Jadual 3:2 menunjukkan pendapatan responden-responden wanita yang bekerja. 48.2 peratus daripada mereka, memperolehi pendapatan di antara $201 hingga $400 sebulan. Ini merupakan kumpulan yang terbesar. Hanya 7.4 peratus sahaja yang memperolehi pendapatan lebih dari $801 sebulan. Purata pendapatan responden wanita yang bekerja ialah $268 sebulan. 33.33 peratus daripada wanita yang bekerja berada dalam bidang formal terutamanya dalam sektor swasta. Walaupun dalam sektor formal, mereka juga memperolehi pendapatan yang rendah. Mereka memegang jawatan-jawatan seperti pekerja kilang, pembantu rumah, buruh, kerani, pembantu tadika. Keadaan ini tidak menghairankan kerana tingkat pencapaian pelajaran mereka rendah. 75 peratus daripada responden wanita hanya mempunyai tingkat pelajaran di darjah enam atau kurang dan hanya dua orang sahaja telah mencapai kelulusan S.P.M.

University of Malaya

Penglibatan wanita-wanita dalam bidang ekonomi formal memang diminati dan diingini. Walau bagaimanapun, peratusan wanita yang terlibat dalam bidang informal adalah lebih tinggi daripada bekerja dalam bidang formal yang mempunyai pendapatan yang tetap. Kegiatan ekonomi informal tidak menjamin pendapatan yang tetap. Peratusan wanita bekerja yang terlibat dalam sektor ekonomi informal seperti menjahit baju, menjual kueh-mueh, menjual ais krim buatan sendiri, mendendam rambut, buka kedai kopi ialah 66.67 peratus berbanding dengan 33.33 peratus yang bekerja dalam sektor formal.

Wanita-wanita yang terlibat dalam sektor informal ini tidak bekerja dalam sektor formal walaupun ingin berbuat demikian atas sebab-sebab tertentu. Kegiatan ekonomi informal bertaraf rendah dan ianya merupakan punca terakhir untuk menambahkan pendapatan keluarga. Sebab pertama ini berlaku ialah kerana mereka tidak mempunyai kelayakan yang cukup dari segi pelajaran formal dan latihan sedangkan majikan masa kini sangat menekankan kelayakan akademik. Kedua, sebab kebanyakan daripada wanita ini terikat pada keluarga. Penduduk wanita Kampung FRI Kepong memberi keutamaan kepada peranan tradisional mereka dalam rumahtangga dan tidak sanggup mengenepikan peranan mereka untuk pekerjaan. Peranan tradisional wanita lebih dipentingkan terutamanya dalam keluarga yang mempunyai anak masih kecil. Tiada kemungkinan bagi mereka melibatkan diri dalam sektor ekonomi formal yang memerlukan mereka keluar dari rumah untuk jangka masa yang panjang tanpa mempunyai pembantu di rumah. Hanya kalau mereka dapat memperolehi pembantu yang murah barulah dapat

dipertimbangkan kemungkinan bekerja di luar. Bahkan kebanyakan suri-rumahtangga berhenti kerja selepas melahirkan anak. Jadi keadaan yang tidak mampu mengaji pembantu, memaksanya tinggal di rumah dan jaga anak sehingga anak itu cukup besar dan boleh ditinggalkan sendiri.

Selain daripada sebab-sebab kesempitan wang untuk perbelanjaan keluarga, wanita-wanita kawasan setinggan ini juga mempunyai asas-asas atas penglibatan mereka dalam sektor-sektor ekonomi terutama dalam sektor ekonomi informal. Wanita-wanita juga bekerja untuk tujuan tabungan untuk kegunaan masa depan. Mereka memandang jauh ke hadapan bersedia menghadapi kemungkinan-kemungkinan berlakunya kecemasan dan lain-lain keadaan yang akan memerlukan wang. Tambahan lagi, rumah kediaman mereka pada masa kini adalah di kawasan setinggan. Kerajaan telah membuat perancangan untuk membangunkan kawasan itu. Mereka berada dalam keadaan yang tergugat. Ini bermakna bahawa penduduk setinggan Kampung FRI Kepong mungkin dipaksa berpindah pada bila-bila masa sahaja. Perpindahan ini, jika berlaku akan melibatkan penggunaan wang. Oleh sebab itu, wanita-wanita cuba membantu keluarganya dalam membuat tabungan dengan berusaha mencari sumber-sumber pendapatan tambahan.

Terdapat satu kategori wanita yang bekerja walaupun usia mereka telah berlanjutan iaitu di antara 50 hingga 60 tahun, sedangkan mereka tidak perlu bekerja lagi. Menurut mereka ini, mereka rasa tak sedap duduk di rumah tanpa kerja kerana telah biasa bekerja kuat

semenjak muda kerana keadaan keluarganya yang miskin bekerja kerana bekerja telah menjadi sebahagian daripada hidupnya. Contohnya Puan Wu yang berumur 51 tahun bekerja sebagai pencuci pinggan-mangkuk dengan pendapatan sebanyak $24 sebulan. Beliau tidak tahan tinggal di rumah sepanjang hari tanpa membuat sebarang kerja. Menurut beliau, lebih banyak beliau berehat, lebih lemah rasanya. Pada masa yang sama beliau dapat juga memperolehi wang saku untuk dirinya sendiri.

Golongan wanita yang terlibat dalam penjualan di sektor informal ini, boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu kategori yang menjalankan penjualan makanan secara perseorangan tanpa campur tangan suami sedangkan kumpulan yang kedua pula menjalankan usahasama bersama-sama suami mereka.

Dari segi modal pula, wanita yang menjual secara perseorangan memperolehi modal samada daripada suami mereka atau modal mereka sendiri hasil daripada simpanan. Walaupun suami memberikan modal untuk mendirikan pondok, barang-barang keperluan, tetapi si suami tidak membantu dalam proses persediaan barang-barang jualan ataupun penjualan barang-barang siap. Segala kerja dilakukan oleh wanita.

Misalannya Puan Sia yang menjual ais 'Yuyi' di hadapan rumahnya. Beliau telah memperolehi modal dari suaminya untuk membeli peti ais bergerak khas untuk ais 'Yuyi' yang berharga $600. Modal memproses ais itu ialah lebih kurang $10 sehari. Hasil penjualannya ialah di antara $10 hingga $20 sehari, dari pukul 10.00 pagi hingga

University of Malaya

5.00 petang dengan harga jualan 30 sen secawan dan 50 sen sebungkus. Pendapatan purata Puan Sia ialah $250 sebulan iaitu lebih kurang 50 peratus daripada hasil jualan ais.

Kategori yang kedua ialah si suami mengetuai penjualan dan dibantu oleh isteri mereka. Biasanya dalam kategori ini, wanita akan melakukan segala persediaan-persediaan dan memproses serta memasak makanan dan penjualan dilakukan oleh suami. Keuntungan jualan dianggap sebagai pendapatan bersama dan suami biasanya mempunyai hak yang lebih atas wang itu.

Puan Phua bekerjasama serta membantu suaminya dalam menjalankan perniagaan menjual kueh 'pau'. Beliau menyediakan dan memasak kueh 'pau' untuk dijual oleh suaminya. Kerja memproses dan memasak 'pau' ini mengambil masa yang lama. Beliau akan membeli bahan-bahan untuk membuat 'pau' pada waktu pagi dan mula menyediakannya hingga lewat petang. Lepas itu, kueh 'pau' itu diambilalih oleh suaminya yang menonggang motosikalnya sambil membawa 'pau'nya mengelilingi kawasan Kepong untuk dijual. Gambar B menunjukkan Puan Phua sedang mengukus kueh 'pau' di belakang rumahnya.

University of Malaya



Gambar B : Menunjukkan 'Pau' dikukus.

Wanita-wanita kampung setinggan ini juga terlibat dalam kegiatan-kegiatan ekonomi informal yang lain seperti mengambil upah menjahit baju. Tiga orang wanita terlibat dalam kegiatan ini. Mereka menjahit pakaian untuk penduduk kampung dan kadangkala untuk kenalan dari luar kampung yang datang mengupah. Mereka menjahit baju bila terdapat masa lapang di antara kerja-kerja rumah. Mereka mengenakan

upah yang rendah berbanding dengan upah di bandar. Sehelai pakaian, mereka mengenakan upah sebanyak di antara $8.00 hingga $15.00 bergantung kepada fashion dan potongannya berbanding dengan harga di Kuala Lumpur, sekurang-kurangnya $15.00 dan ke atas. Pendapatan mereka tidak tetap. Biasanya tempahan meningkat pada waktu-waktu perayaan terutamanya Tahun Baru Cina.

Selain dari itu, seorang wanita menjadi pendandan rambut. Kegiatan ini dilakukan di rumah sendiri dengan harga yang sangat murah. Khidmat menggunting rambut dikenakan harga $2.00, membasuh dikenakan $1.00 dan mengerinting rambut hanyalah di antara $8.00 hingga $15.00.



Gambar C : Menunjukkan usaha mendandan rambut di rumah.

Seorang lagi bekerja sebagai pembantu rumah untuk klas menengah di kawasan perumahan yang berhampiran. Beliau bekerja dari pukul 7.00 pagi hingga 12.00 tengahari, memperolehi pendapatan sebanyak $180.00 sebulan.

Tiga orang wanita lain bekerja di kilang. Seorang daripada mereka iaitu Puan Thiam bekerja di kilang memproses mee di kampung setinggan itu dari pukul 5.30 pagi sehingga 4.00 petang dengan pendapatan sebanyak $250.00 sebulan.



Gambar D : Menunjukkan wanita-wanita bekerja di kilang memproses mee di Kampung FRI Kepong.

Kebanyakan suri rumahtangga juga terlibat dalam pembelaan ayam-itik, angsa dan kambing. Purata bilangan ayam-itik di sebuah rumahtangga adalah lebih kurang enam ekor. Ayam-itik ini dibela untuk daging dan telurnya. Sementara itu, kambing pula adalah untuk dijual dengan harga di antara $300 hingga $600 seekor.



Gambar E : Menunjukkan reban ayam di belakang rumah.

Cara responden-responden wanita menyesuaikan diri di antara kegiatan ekonomi dengan tugas dalam rumahtangga sungguh mengkagumkan dan menarik hati.

92.6 peratus daripada responden yang terlibat dalam bidang ekonomi ini juga merupakan suri rumahtangga. Mereka haruslah membahagikan masa mereka dengan bijak agar dapat menunaikan tanggungjawab mereka dengan cekap.

Hanya seorang daripada 37 orang responden wanita yang telah mendirikan rumahtangga ini, mengaji pembantu di rumahtangganya sebagai tukang masak.

3.2 <u>Cara Wanita Membahagikan Masa</u>

Suri rumahtangga yang lain tidak mampu untuk mengaji seorang pembantu memandangkan keadaan kewangan yang ketat dalam keluarga. Wanita-wanita yang bekerja di luar rumah serta mempunyai anak-anak kecil, meminta bantuan ibu atau ibu mertua mereka menjaga anak mereka semasa mereka pergi bekerja.

Responden yang mempunyai anak-anak dewasa dapat membantu kerja-kerja ibu di rumah seperti memasak, membasuh baju, mengemas rumah. Ini sedikit sebanyak mengurangkan beban ibu yang terlibat dalam kegiatan ekonomi.

Responden-responden yang lain pula terpaksa melakukan segala tugas di rumah seorang diri kerana anak-anak masih kecil serta tidak dapat membantu.

Wanita-wanita di Kampung FRI Kepong sangat tekun dalam menjalankan tugas harian mereka. Berikut adalah beberapa kes yang dapat menunjukkan cara wanita-wanita ini membahagikan masa serta menyesuaikan keadaan-keadaan rumahtangga dengan kegiatan ekonomi mereka.

Puan Cheah sungguh cekap dalam mengendalikan tugas-tugasnya. Puan Cheah berumur 28 tahun dan mempunyai dua orang anak lelaki kecil. Anak yang sulung berumur empat tahun dan anak bongsu pula berumur dua tahun. Beliau berupaya melakukan tiga atau empat kerja secara serentak. Puan Cheah melakukan kerja rumahnya dari pukul 7.00 pagi sehingga lebih kurang 12.00 tengahari termasuklah memasak, mengemas rumah dan memberi anak makan. Semasa pengkaji berada di rumah Puan Cheah, beliau sedang sibuk mengendalikan kerja-kerjanya. Pada lebih kurang pukul 2.00 petang, anak Puan Cheah menangis apabila beliau sedang membasuh kain. Jadi beliau berhenti membasuh lalu melayan dan memandikan anak-anaknya serta memberi mereka makan. Sebaik-baik sahaja selesai dengan anaknya, datanglah pula dua orang pelanggan untuk mengerinting dan menggunting rambut. Puan Cheah sedikit pun tidak mencerminkan perasaan gelisahnya tetapi gerak-gerinya sungguh cepat. Beliau terus menggunting rambut pelanggan pertama dan menggulungkan rambut pelanggan kedua serta dibubuh ubat mengerinting rambut. Sementara pelanggan menanti ubat rambut itu ber-

tindak, Puan Cheah meneruskan kerja membasuh kain yang ditinggalkan tadi. Sambil membasuh, beliau bersembang dengan kedua-dua pelanggannya yang juga merupakan jiran tetangga.

Begitulah keadaan hidup Puan Cheah sepanjang hari dalam usaha menguruskan rumahtangganya serta melakukan kerja sampingan untuk memperolehi pendapatan.

## 3.3 Organisasi Kredit

Dalam kajiannya mengenai setinggan di komuniti Melayu, Azizah Kassim (1984: 42) mendapati tiga jenis organisasi kredit iaitu:

(i) Organisasi kutu

(ii) Kutu barang

(iii) Jualan Parti

### (A) Organisasi Kutu

Di Kampung FRI Kepong, terdapat dua jenis daripada organisasi kredit tersebut iaitu organisasi kutu dan jualan parti.

Permainan kutu yang dipraktikkan di kalangan komuniti Cina adalah berbeza daripada jenis permainan kutu yang telah dikaji oleh Azizah Kassim (1984: 42) di komuniti Melayu. Permainan kutu yang telah dihuraikan oleh Azizah Kassim menyarankan bahawa ahli yang paling awal menerima sumbangan kumpulan wang itu, merupakan ahli yang paling beruntung kerana jumlah wang di awal dan di akhir permainan adalah sama

University of Malaya

sedangkan pada hakikat sebenarnya nilai jumlah wang itu telah turun pada akhir permainan iaitu mungkin jarak tempoh satu tahun. Sekiranya wang itu disimpan dalam bank akan menerima bunga. Keadaan yang sebaliknya berlaku di dalam permainan kutu komuniti Cina. Ahli yang menerima sumbangan di akhir permainan merupakan ahli yang paling beruntung. Untuk kefahaman yang lebih lanjut, seluruh permainan kutu akan dijelaskan di bawah.

Permainan kutu ini, biasanya dibentuk oleh seseorang yang memerlukan wang dengan serta-merta dan memerlukan jumlah yang besar untuk kegunaan-kegunaan tertentu. Mulanya wanita ini akan mengumpulkan beberapa orang jiran, kawan-kawan dan saudara-mara yang boleh dipercayai untuk memulakan kumpulan permainan kutu. Ahli kumpulan biasanya terdiri dari empat hingga lima-belas orang.

Katakanlah sepuluh orang ahli mengambil bahagian dalam sebuah permainan kutu. Setiap orang ahli dinamakan A, B, C, D, E, F, G, H, I dan J sebagai ketua. Andaikan bahawa kumpulan kutu ini berasaskan jumlah sumbangan sebanyak \$100/- seorang setiap bulan.

Jumlah sumbangan bulan pertama (Januari) biasanya akan diberi kepada ketua iaitu si 'J'. Si 'J' akan dikenakan bunga sebanyak 10% dari setiap ahli. Jumlah 10% merupakan jumlah minima yang akan dikenakan. Jadual 3:3 menunjukkan bahawa setiap ahli akan menyumbangkan \$90 (\$100 bunga) kepada si 'J'. Jadi jumlah yang diterima oleh si 'J' ialah \$810.

Jadual 3:3 Menunjukkan perjalanan permainan kutu di kalangan komuniti Cina Kampung FRI Kepong.

| Bulan | Ahli | | | | | | | | | | Jumlah yang diterima oleh setiap ahli | Tawaran kadar bunga tertinggi |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | A $ | B $ | C $ | D $ | E $ | F $ | G $ | H $ | I $ | J $ | $ | |
| Januari | 90 | 90 | 90 | 90 | 90 | 90 | 90 | 90 | 90 | 90 | 810 | 10% |
| Februari | 88 | 88 | 88 | - | 88 | 88 | 88 | 88 | 88 | 100 | 804 | 12% |
| Mac | 85 | 85 | 85 | 100 | 85 | 85 | - | 85 | 85 | 100 | 795 | 15% |
| April | - | 90 | 90 | 100 | 90 | 90 | 100 | 90 | 90 | 100 | 840 | 10% |
| Mei | 100 | 86 | 86 | 100 | 86 | - | 100 | 86 | 86 | 100 | 830 | 14% |
| Jun | 100 | 89 | - | 100 | 89 | 100 | 100 | 89 | 89 | 100 | 856 | 11% |
| Julai | 100 | - | 100 | 100 | 85 | 100 | 100 | 85 | 85 | 100 | 855 | 15% |
| Ogos | 100 | 100 | 100 | 100 | 87 | 100 | 100 | 87 | - | 100 | 874 | 13% |
| September | 100 | 100 | 100 | 100 | 89 | 100 | 100 | - | 100 | 100 | 889 | 11% |
| Oktober | 100 | 100 | 100 | 100 | - | 100 | 100 | 100 | 100 | 100 | 900 | |
| Jumlah | 863 | 828 | 839 | 890 | 789 | 853 | 878 | 800 | 813 | 900 | | |

Si 'J' yang telah menerima jumlah sumbangan dianggap sebagai ahli yang telah 'mati'. Ini bermaksud bahawa ahli 'mati' mesti membayar $100 setiap bulan walau apapun kadar bunga yang dikenakan.

Kadar bunga yang akan dikenakan pada bulan seterusnya akan ditentukan oleh ahli-ahli kumpulan yang ingin menerima giliran pada

University of Malaya

bulan tersebut. Mungkin kerana keadaan kewangan yang mendesak. Katakanlah pada bulan Februari, empat orang hendak mengambil giliran mereka. Jadi keempat-empat orang, andaikanlah si 'A', 'D', 'F' dan 'G' terpaksa bertanding. Mereka yang sanggup memberi kadar bunga yang tertinggi akan diberi keutamaan. Sekiranya si 'D' menawarkan kadar bunga tertinggi berbanding dengan tiga orang yang lain (12%) maka si 'D' akan menerima sumbangan bulan Februari. Setiap orang ahli akan membayar $88 ($100 - bunga) kepada si 'D' kecuali si 'J' terpaksa membayar $100 kerana beliau adalah ahli 'mati'.

Permainan kutu ini akan terus berjalan sehingga ahli yang terakhir menerima gilirannya. Ahli yang terakhir ini akan menerima $100 dari setiap orang kerana kesemua ahli yang lain adalah ahli 'mati'.

Perjalanan permainan kutu ini, membenarkan ahli yang menerima sumbangan lebih lewat, memperolehi untung yang lebih. Jadual 3:4 menunjukkan si 'E' yang merupakan penerima sumbangan terskhir, menerima jumlah sebanyak $900 sedangkan jumlah bayarannya sepanjang sembilan bulan yang lepas hanyalah $789. Jadi keuntungan yang diterima oleh beliau ialah sebanyak $111/-. Sementara si 'J' sebagai penerima pertama mengalami kerugian sebanyak $90 iaitu bunga yang terpaksa dibayar.

University of Malaya

Jadual 3:4 Menunjukkan keuntungan dan kerugian permainan kutu.

| Bulan | Susunan mengikut giliran penerimaan jumlah sumbangan | Jumlah bayaran ($) | Jumlah yang diterima ($) | Kerugian/ keuntungan ($) |
|---|---|---|---|---|
| Januari | J | 900 | 810 | (90) |
| Februari | D | 890 | 804 | (86) |
| Mac | G | 878 | 795 | (86) |
| April | A | 863 | 840 | (23) |
| Mei | F | 853 | 830 | (23) |
| Jun | C | 839 | 856 | 17 |
| Julai | B | 828 | 855 | 27 |
| Ogos | I | 813 | 874 | 61 |
| September | H | 800 | 889 | 89 |
| Oktober | E | 789 | 900 | 111 |
| Jumlah | | 8453 | 8453 | |

Permainan kutu di kalangan komuniti Cina adalah bercorak perniagaan. Ahli-ahli kumpulan permainan kutu terdiri dari dua kategori. Kategori pertama merupakan ahli yang memerlukan sejumlah wang untuk kegunaan kecemasan dan satu kategori yang lain, mengikut permainan kutu untuk mendapatkan keuntungan kadar bunga yang tinggi.

University of Malaya

Kejayaan permainan kutu ini, bergantung kepada kepercayaan di antara ahli-ahli. Masalah dalam permainan kutu ini ialah kalau ahli yang menerima wang itu larikan diri dan enggan membayar. Walau bagaimanapun, perkara begitu jarang berlaku kerana ahli-ahli kumpulan merupakan kenalan rapat yang mereka boleh percayai. Sekiranya mereka gagal mempraktikkan etika ini, nama ataupun reputasi mereka akan terjejas. Khabar berita tentang seseorang yang menyeleweng akan tersebar dengan cepat dan ini akan mendatangkan kesan yang tidak baik atas dirinya sendiri. Oleh sebab itu, ahli-ahli akan cuba sedaya-upaya untuk meneruskan janji mereka dalam permainan kutu.

(B) Jualan Parti

Jualan parti kerap dijalankan di rumah-rumah dan ianya biasa diketuai oleh seorang wanita. Ini merupakan corak perniagaan untuk barang-barang buatan luar negeri seperti Tupperware dan Pyrex. Ketua itu akan mendapatkan seorang wanita untuk membuka sebuah jamuan atau parti yang cukup sederhana untuk memasarkan barang-barangan jualan. Tuan punya rumah diharapkan menjemput kawan-kawannya, jiran-tetangga, saudara-mara untuk menghadiri parti tersebut dengan harapan mereka memberi sekurang-kurangnya satu barang.

Di parti itu, biasanya agen itu akan menunjukkan demonstrasi kegunaan barang-barangnya untuk menimbulkan keinginan wanita-wanita memiliki barang-barang tersebut. Tetamu biasanya akan membuat tempahan

barang-barang sekurang-kurangnya satu item. Mungkin atas perasaan obligasi dan ada juga di antara mereka yang benar-benar ingin membelinya. Tuan rumah yang telah membuka rumahnya akan menerima komisen di antara 10 hingga 15 peratus dari hasil jualan dan kadang-kadang diikuti dengan hadiah-hadiah barangan jualan. Tempahan yang dibuat boleh dibayar mengikut beberapa cara iaitu wang tunai ataupun cara kredit. Dalam parti itu, agen jualan akan cuba memujuk wanita lain untuk membuka parti di rumahnya pula dan menjemput kawan-kawannya. Beginilah caranya jualan parti diteruskan dari satu rumah ke rumah yang lain.

Jualan parti ini, secara tidak langsung memberikan peluang hubungan sosial di antara wanita-wanita yang datang beramai-ramai. Pada masa inilah, selain daripada melihat barang-barang jualan, mereka juga borak dan bersembang. Jalinan persahabatan dipereratkan lagi.

University of Malaya

# BAB IV

## WANITA DALAM BIDANG SOSIAL

Dalam bab ini, akan ditinjau kegiatan-kegiatan sosial responden-responden wanita di Kampung FRI Kepong. Kehidupan sosial wanita ini akan dilihat dari aspek kegiatan mereka pada waktu lapang, perhubungan mereka dengan jiran tetangga, penglibatan wanita dalam persatuan-persatuan politik.

Biasanya wanita-wanita di Kampung FRI ini, berehat selepas makan tengahari di antara pukul 1.00 hingga 3.00 petang dan juga selepas makan malam iaitu selepas pukul 7.00 malam.

Pada waktu-waktu lapang ini, ada di antara suri rumahtangga yang bermain-main dengan anak-anak kecil mereka. Mereka jarang menikmati masa untuk bersendirian. Keadaan ini amatlah benar bagi wanita-wanita yang mempunyai anak-anak kecil yang memerlukan perhatian ibu di sepanjang masa.

Puan See makan malam pada pukul 6.00 petang. Selepas makan, hari masih terang, jadi beliau sering duduk di halaman rumah pada waktu petang sambil bermain-main dengan anak-anak.

Ada yang tidur di waktu petang. Kerap juga mereka mendengar radio, menonton televisyen, membaca komik-komik Bahasa Cina. Salah satu punca hiburan yang menjadi kegemaran ramai ialah menonton pita video

University of Malaya

dalam siri yang bersambungan. Ada yang asyik menonton sehingga tidak sedar masa berlalu begitu cepat.

Kerap juga wanita-wanita ini kunjung-mengunjungi sesama mereka. Di dapati rangkaian sosial penduduk di Kampung FRI Kepong ini adalah terdiri daripada saudara-mara. Jadi pertalian persaudaraan ini memberikan jalinan yang lebih mesra. Hal ini akan ditinjau dengan lebih mendalam lagi dalam perhubungan wanita dengan jiran tetangga.

Terdapat juga segolongan wanita yang berkumpul bersama-sama untuk bermain judi. Beginilah caranya mereka menghabiskan masa lapangnya. Semasa wanita-wanita ini asyik berjudi, anak-anak kecil mereka bermain sesama sendiri di pengkarang rumah. Ada di antara mereka yang berjudi sehingga larut malam hingga pukul 1.00 pagi. Permainan daun terup dan mahjong telah menjadi permainan biasa di kalangan penduduk Kampung FRI Kepong.



Gambar F : Menunjukkan wanita-wanita yang asyik berjudi.

University of Malaya

Anak-anak kecil pun turut berjudi. Pemuda-pemuda berjudi sesama mereka sendiri. Wanita-wanita juga tidak ketinggalan. Mereka berkumpul dalam kumpulan lebih kurang lima hingga tujuh orang 'kaki'. Menurut mereka, ini adalah cara untuk melepaskan kebosanan. Keinginan untuk menang bukanlah tujuan utama, walaupun memang menjadi hasrat mereka semasa berjudi. Yang penting bagi mereka, ialah bahawa ini merupakan satu cara menggunakan masa lapang.

Semasa membuat temuduga dan temuramah, pengkaji bertemu dengan sepasang suami-isteri yang sambil berehat, mereka bermain daun terup, sebagai satu permainan masa lapang.

## 4.1 Wanita dan Jiran Tetangga

Keadaan jalinan persaudaraan antara satu sama lain yang rapat di antara jiran menghasilkan perasaan kekitaan dan perhubungan antara satu sama lain yang lebih erat. Keadaan ini lebih ketara lagi terutamanya pada hari-hari perayaan, mengadakan kenduri dan lain-lain bentuk hubungan dan interaksi persemukaan.

Dalam kehidupan sehari-harian, hubungan dengan jiran tetangga lebih banyak berkisar di kalangan kaum wanitanya terutama bagi para isteri ataupun ibu. Ini adalah kerana bagi kaum wanita ini, kebanyakan waktu mereka berada dalam lingkungan dan persekitaran rumahtangga lebih-lebih lagi bagi para wanita yang tidak keluar bekerja. Mereka mempunyai

lebih banyak peluang untuk bersemuka dan bermesra dengan jiran tetangga.

Bagi wanita-wanita yang mempunyai masa lapang di waktu petang, terdapat di kalangan mereka yang gemar mengunjungi rumah jiran-jiran tetangga untuk berbuat-buat sambil berehat-rehat. Melalui cara beginilah anggota-anggota dalam komuniti ini dapat mengenali antara satu sama lain dengan lebih dekat lagi. Mereka kunjung-mengunjungi sambil bertukar khabar berita. Wanita-wanita ini juga kerap bertemu di pasar-pasar, dan kedai-kedai.

Di Kampung FRI Kepong bukan sahaja lelaki yang berkumpul sesama mereka sendiri di kedai kopi tetapi terdapat juga di kalangan wanita ini yang berkumpul sambil bersembang dan minum-minuman ringgan seperti 'coca-cola' dan lain-lain di kedai runcit yang menjual minuman. Mereka berkelompok pada waktu lapang setelah selesai kerja-kerja rumah.

Walaupun biasanya wujud hubungan erat, persefahaman serta pergaulan yang mesra di kalangan anggota-anggota komuniti di kampung ini tetapi kadangkala timbul juga konflik dalaman sesama mereka sendiri khususnya di antara kaum wanita.

Dari pertemuan dan pergaulan seharian, banyak timbul gossip-gossip di kalangan wanita yang duduk berkumpul, 'mengata-gata' kisah buruk orang lain. Ada pula pihak yang 'sampai-menyampai' dan 'menokok-tambah' cerita-cerita yang didengar. Perkara seperti inilah yang selalu menyakitkan hati. Bila orang yang diumpat mendapat tahu tentang 'gossip'

orang terhadapnya maka timbul rasa tidak senang hati lalu tidak bertegur sapa di antara pihak yang terlibat.

Si pengkaji sendiri pernah mendengar gossip di kalangan wanita yang berkumpul menceritakan kisah orang lain misalnya si anu selalu keluar dan pulang lewat, si anu mengandung di luar nikah. Ibu mertua pula mengumpat tentang menantunya serta meluahkan rasa tidak puas hatinya. Seolah-olah segala-gala yang dilakukan oleh di menantu, semuanya 'tak kena', kononnya anak menantu mereka itu malas, tidak menghormati orang tua.

Konflik di antara golongan wanita ini, kerap dibangkitkan oleh anak-anak kecil yang berkelahi sesama sendiri. Perkelahian antara anak-anak kecil biasanya melibatkan ibubapa terutamanya golongan wanita. Kanak-kanak setelah bergaduh dan berkelahi pulang ke rumah sambil menangis, mengadu yang anak si anu memukulnya. Hati ibu-ibu rasa geram terhadap anak orang lain yang menyebabkan anaknya menangis. Pergilah ibu kepada ibu lawan anaknya. Maka timbullah konflik dan salah faham di antara wanita akibat perkelahian anak-anak mereka. Kadangkala timbul pertengkaran serius di antara wanita yang berlanjutan.

Sikap banding-membanding dan semangat berlumba-lumba dalam pemilikan material juga menimbulkan konflik di antara wanita-wanita. Misalannya, apabila jiran sebelah membeli televisyen berwarna, dia juga inginkan sebuah. Seboleh-bolehnya mereka tidak mahu ditewaskan oleh jiran mereka.

Di dalam Kampung FRI Kepong ini, majoritinya adalah penduduk berbangsa Cina, terdapat lebih kurang 20 buah keluarga bukan Cina. Mereka terdiri daripada bangsa Pakistan. Hubungan komuniti India dengan komuniti Melayu ini agak tegang. Tiada usaha di antara mereka untuk bergaul dan berhubung. Komuniti Melayu ini, tinggal berkelompok di satu kawasan. Mereka seolah-olah menjalankan kehidupan mereka sendiri dan terasing dari komuniti besar.

Komuniti Cina yang menjadi komuniti besar Kampung FRI tidak menerima komuniti bukan Cina ini, sebagai sebahagian daripada komuniti Kampung FRI Kepong. Satu contoh ialah Puan Mee yang tinggal hanya beberapa depa sahaja dari rumah-rumah keluarga bukan Cina. Beliau tidak mempunyai hubungan erat dengan jiran Pakistan apalagi mengenali mereka. Mereka hanya cuba tidak menyakiti hati jiran mereka untuk mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini. Keadaan ini berlaku akibat perasaan curiga dan kesedaran ras yang kuat di antara kedua-dua kelompok ini. Sikap prasangka yang tertanam dalam jiwa mereka menghalang hubungan sosial. Mereka tidak berminat untuk berinteraksi. Perasaan kekauman sangat ketara di sini.

Seimbas lalu, dapat membezakan rumah-rumah keluarga bukan Cina dan keluarga Cina dari bentuk binaan rumahnya dan juga cara perhiasannya. Salah satu daripada peluang untuk komuniti Pakistan ini memasuki komuniti Cina ialah apabila penduduk ini bekerja dalam perusahaan kecil orang-orang Cina contohnya dalam kilang memproses mee, kilang membuat 'fish-ball' dan lain-lain lagi.

4.2 <u>Penglibatan Wanita dalam Bidang Politik</u>

Kampung FRI Kepong terletak dalam sempadan Wilayah Persekutuan. Kampung FRI Kepong terletak di sempadan Wilayah Persekutuan yang dipisahkan oleh sebatang jalan raya dari Kampung Selangor. Walaupun jarak kampung FRI Kepong ini hanya beberapa depa sahaja dari sempadan Selangor tetapi terdapat perbezaan yang ketara dari segi perancangan dan penyertaan penduduk-penduduknya dan kegiatan-kegiatan politiknya. Kedua-dua kawasan perumahan iaitu Kampung Selangor dan Kampung FRI Kepong terdiri daripada komuniti bangsa Cina. Tetapi kehidupan sosial kedua-dua komuniti ini sungguh jauh berbeza.

Kawasan Kampung Selangor mempunyai seorang wakil parti MCA. Cawangan ini tidak kurang juga aktifnya dalam bidang politik. Keadaan yang sangat ketara ialah bahawa penduduk Kampung FRI Kepong walaupun sebelah-menyebelah tiada langsung gerakan politik.

Timbul persoalan apakah sebab-sebab yang menghindarkan penglibatan masyarakat Kampung FRI Kepong dalam sebarang kegiatan yang berhubung dengan kepimpinan dan pergerakan seperti ini. Pengkaji telah mengadakan temuramah dengan Wakil MCA iaitu Encik Hew Khing Lin, Kampung Selangor bertanyakan sebab mengapa pergerakan parti politik MCA tidak menembusi Kampung FRI Kepong dan menubuhkan cawangannya di situ. Encik Hew Khing Lin mengatakan bahawa susah untuk mendorong penduduk Kampung FRI Kepong melibatkan diri dalam kegiatan politik kerana kebanyakan daripada mereka tidak berpelajaran. Tahap pelajaran yang rendah serta

ketiadaan kesedaran politik di kalangan mereka menjadi penghalang.

Jadual 4:1 Menunjukkan Tahap Pelajaran Responden dan Suami.

| Tingkat Pelajaran | Responden | | Suami | |
|---|---|---|---|---|
| | Bil. | % | Bil. | % |
| Tidak bersekolah | 18 | 45 | 13 | 36.11 |
| Darjah 1-6 | 12 | 30 | 13 | 36.11 |
| Lulus Sekolah Rendah | 3 | 7.5 | 1 | 2.77 |
| Tingkatan 1-3 | 3 | 7.5 | 5 | 13.89 |
| Lulus SRP | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Tingkatan 4-5 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| Lulus SPM | 2 | 5 | 2 | 5.56 |
| Lain-lain | 2 | 5 | 2 | 5.56 |
| Jumlah | 40 | 100 | 36 | 100 |

Jadual di atas menunjukkan kebanyakan daripada responden dan suami mereka tidak lulus sekolah rendah iaitu 45% responden wanita tidak bersekolah. 36.11% daripada suami responden tidak bersekolah.

Hal-ehwal ekonomi mendapat perhatian utama mereka. Kebanyakan daripada mereka adalah buruh kasar, setaraf dengan taraf pelajaran mereka. Tumpuan mereka adalah untuk mencari nafkah untuk menanggung

kehidupan seharian keluarga. Masa mereka terhad kepada kegiatan ekonomi dan keluarga.

Bila pihak lelaki pun tidak terlibat dalam kegiatan politik, jauhlah lagi bagi golongan wanita untuk menceburi bidang politik. Golongan wanita pada hakikatnya lebih terikat pada keluarganya dan anak-anak berbanding dengan golongan lelaki.

Salah seorang daripada dua responden yang mempunyai tingkat pelajaran lulus SPM iaitu Puan Teo, pernah melibatkan diri dalam pergerakan parti politik MCA (di luar Kampung FRI Kepong). Menurut Puan Teo, beliau hanya bergiat dalam pergerakan parti politik MCA sebelum beliau mendirikan rumahtangga. Penglibatan beliau agak penting dengan jawatan yang dipegang olehnya sebagai setiausaha. Tetapi selepas perkahwinannya beliau tidak bergiat lagi. Beliau hanya menjadi 'ahli yang tidur' dalam parti politik itu. Puan Teo memberikan sebab bahawa beliau tidak lagi mempunyai masa lapang untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti parti politik. Minatnya lebih ditujukan kepada anak serta keluarganya. Tambahan pula kegiatan politik ini bukannya sesuatu yang dipaksa tetapi adalah sesuatu yang sukarela.

Lagipun, perumahan setinggan Kampung FRI Kepong tidaklah tetap. Dewan Perbandaran telahpun membuat perancangan untuk membangunkan kawasan itu. Ini juga bererti bahawa rumah-rumah mereka akan diruntuhkan pada bila-bila masa sahaja. Jadi adalah susah untuk menubuhkan cawangan parti politik di sana.

# BAB V

# KESIMPULAN

Menurut laporan Rancangan Malaysia Kelima, kemiskinan merupakan suatu ukuran yang relatif. Terdapat perbezaan dalam tingkat harga dan dalam kos hidup antara bandar dan luar bandar.

Definasi Rowntree terhadap kemiskinan ialah atas jumlah minima yang mampu dibiayai untuk mengekalkan keperluan fizikal yang benar-benar penting sahaja. Tiada kemampuan untuk menikmati sesuatu yang lebih dari keperluan asas.

Berdasarkan pada definasi Rowntree, didapati pada keseluruhannya, masyarakat yang dikaji tidak berada dalam taraf kemiskinan dari segi kewangan dalam kemampuan membeli barangan kerana ahli-ahli keluarga lain selain dari ketua rumah turut memberi sumbangan kewangan terutamanya isteri dan anak-anak yang telah dewasa. Tiada penduduk yang kelaparan. Mereka menikmati kemudahan-kemudahan sosial seperti air, api, hospital dan sekolah. Pada hakikat sebenarnya kalau hanya seorang ketua rumah sahaja yang menanggung keluarga dengan purata pendapatan sebanyak $595 untuk ahli keluarga seramai enam orang maka mereka akan berada di tahap kemiskinan dari aspek kebendaan.

Kalau ditinjau dari aspek budaya kemiskinan, didapati mempunyai applikasinya. Didapati masyarakat setinggan di Kampung FRI Kepong ini,

kekurangan integrasi. Keadaan ini jelas dari ketiadaan penyertaan mereka dalam institusi-institusi utama dan persatuan-persatuan sosial atau gerakan politik. Keadaan ini benar seperti yang disarankan oleh Oscar Lewis bahawa ini disebabkan oleh beberapa fakta seperti kekurangan punca ekonomi, ketakutan prasangka. Akibat keadaan kewangan yang agak menekan, kebanyakan masa dan tenaga serta usaha ditumpukan kepada pencarian pendapatan tambahan.

Walau bagaimanapun, penduduk di sini tidak ramai yang menggadaikan barang atau meminjam wang dengan kadar bunga yang tinggi. Sekiranya dalam kecemasan, mereka mungkin meminjam wang dari jiran atau saudara-mara tanpa sebarang faedah. Mereka juga sering menggunakan barang-barang 'second-hand' seperti motosikal, televisyen, peti sejuk. Tingkat pelajaran mereka rendah iaitu 75 peratus dari responden wanita berada di bawah sekolah rendah.

Organisasi rumah-rumah di kampung buruk. Jalan-jalan tanah merah yang menghubungkan antara satu rumah dengan yang lain, becak bila hari hujan.

Di tahap keluarga pula, dalam budaya miskin, peringkat kanak-kanak tidak dipanjangkan. Didapati anak-anak keluar bekerja untuk membantu keadaan ekonomi keluarga. Pelajaran tidak ditekankan pada hidup kanak-kanak. Individu-individu tidak mempunyai motivasi yang tinggi.

Masyarakat di Kampung FRI Kepong ini, lebih sesuai digolongkan dalam pandangan kumpulan intelektual yang menekankan perbezaan-perbezaan biologi dan psikologi dalam penentuan peranan di antara lelaki dan wanita.

Menurut ahli-ahli intelektual ini, wanita bekerja dalam konteks domestik dalam lingkungan rumahtangga. Memang ternyata bahawa tanggungjawab wanita sebagai seorang isteri dan ibu, berpusar di dalam lingkungan menjaga bayi-bayi dan anak-anak kecil; memasak; mengemas rumah; membasuh. Sememangnya seseorang wanita tidak dapat lari daripada menghadapi permintaan atas dirinya sebagai seorang wanita untuk memenuhi peranan domestiknya. Jelas bahawa komuniti di Kampung FRI Kepong, kaun lelakinya menjadi pemberi punca ekonomi utama dalam keluarga dan tugas utama kaum wanitanya pula tertumpu pada pengendalian unsur-unsur rumahtangga. Wanita hanya merupakan penyumbang ekonomi kedua. Terdapat kebenaran pendapat ahli-ahli intelektual yang mengatakan bahawa perbezaan peranan adalah berdasarkan kepada perbezaan fizikal antara kedua-dua jantina itu. Lelaki, secara purata lebih besar dan mempunyai tenaga otot yang lebih dari wanita. Wanita, bentuknya adalah "felix atonomy" dan ini sesuai untuk mengandung anak. Lelaki lebih agresif.

Kesemua lebihan kekuatan fizikal lelaki, menyebabkan pembahagian peranan yang jelas di antara lelaki dan wanita terutamanya dalam kawasan setinggan kerana kebanyakan daripada mereka terlibat dalam

University of Malaya

bidang pekerjaan berat seperti buruh-buruh, pembina rumah dan sebagainya. Tingkat pelajaran yang rendah menghindarkan mereka daripada mencapai mobiliti atas pekerjaa, Wanita lebih tertumpu pada hal-hal rumahtangga dan peranannya dalam rumahtangga.

Walau bagaimanapun, peranan wanita tidaklah semata-mata terhad pada bidang domestik sahaja. Dalam hal wanita-wanita setinggan Kampung FRI Kepong, 67.5 peratus daripada wanita terlibat dalam bidang ekonomi, di mana 66.67 peratus daripadanya menceburkan diri dalam sektor ekonomi informal.

Penglibatan dalam sektor informal, membolehkan wanita-wanita ini terus memainkan peranan domestik mereka dengan berkesan. Kerja informal seperti menjahit baju, membuat kueh-muah untuk dijual, mendandan dapat dilakukan di antara kerja-kerja rumah.

Definasi peranan wanita oleh Rosalda juga tertumpu pada aktiviti domestik seperti tanggungjawab menjaga anak, fokas atas emosi dan perhatian kepada anak. Tambahnya lagi, bahawa status wanita berada di tahap paling rendah dalam masyarakat yang membezakan antara ruang 'domestik' dan 'public' tidaklah berapa jelas. Keadaan sedemikian boleh dikaitkan dengan status wanita ini yang lebih rendah berbanding dengan kaum lelaki. Status wanita boleh ditinjau dari aspek kewibawaan mereka, berbanding dengan kewibawaan kaum lelaki.

University of Malaya

Menurut Lloyd, wanita mungkin hanya mempunyai kawalan atas penawaran makanan, pembelian barang-barang di pasar. Kewibawaan mereka terhad pada hal-hal rumahtangga. Keadaan ini amat benar bagi responden-responden wanita. Kewibawaan mereka adalah terhad pada domestik seperti yang disarankan oleh Lloyd.

Walau bagaimanapun, terdapat juga sedikit perubahan dalam tingkat kewibawaan terutamanya bagi mereka yang terlibat dalam bidang ekonomi, baik dalam sektor formal ataupun informal. Penglibatan mereka dalam bidang ekonomi membenarkan mereka memperolehi wang sendiri. Bererti mereka mempunyai hak yang lebih dari wanita yang hanya semata-mata dalam domestik serta bergantung sepenuhnya pada punca ekonomi si suami. Wanita yang lebih punca ekonominya sendiri mempunyai lebih kewibawaan dalam membuat keputusan atas pembelian barang-barang dengan penggunaan wangnya sendiri.

University of Malaya

# BIBLIOGRAFI


**Buku-buku Teks:**

Azizah Kassim, (1985) — Wanita dan Masyarakat, Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1985.

Banton, Michael P., (1965) — Roles, An Introduction to the Study of Social Relation (London) Tavistock Publications.

Bruce J. Biddle, (1979) — Role Theory, Expectation, Identities and Behaviours (London) Academic Press.

Oksman, Conchita Gene, (1978) — The Defination and Measurement of Poverty, An urban system research report by Sharon M. Oster, Elizabeth, E. Lake, and Conchita Gene Oksman. Boulder, Colo. Westview Press.

Friedl, E., (1975) — Women and Men. An Anthropologist View, Holt Rinehart & Loinston, USA.

J.A. Jackson, (1972) — Role, Cambridge at University Press.

Linton, R., (1945) — The Science of Man in the World Crisis, New York, Columbia U.P.

Rosaldo, M., (1974) — Women, Culture and Society, A Theoretical Overview.

Rowntree, Benjamin Selbohm, (1951) — Poverty and the Welfare State; A third social survey of York dealing only with economic questions, London, Longmans.

Hing Ai Yun (ed.), (1984) — Women in Malaysia, Pelandok Publication (M) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur.

**Bahan Disertasi:**

Azizah Kassim, — "Kemudahan Kredit Tidak Formal di Kalangan Wanita Setinggan", Bingkisan Pertiwi, Jilid 8, 1984.

Azizah Kassim, Politics of Accommodations: A Case Study of Malay Squatters in Kuala Lumpur (Thesis Ph.D.), School of Oriental and African Studies, University of London, 1985.

S. Husin Ali, Kemiskinan dan Kelaparan Tanah di Kelanta, Jun 1978.

Ministry of Labour and Manpower, Dictionary of Occupational Classification, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Norehan Md. Nor, Peranan Wanita Luar Bandar dalam Sosio-Ekonomi. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi/Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur 1985/86.

Ramlah Haji Ishak, Peranan Kaum Wanita dalam Bidang Sosio-Ekonomi. Satu Kajian kes di Mukim Jabi, Alor Setar, Kedah. Latihan Ilmiah, Jabatan Antropologi/Sosiologi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Chia Oai Peng, Traces of Confucianist Influences on Malaysian Chinese Women and its Implications(1)!

University of Malaya

No. responden: _____

1) Nama : ______________________________

2) Alamat : ______________________________

______________________________

3) Status perkahwinan:

a) Bujang

b) Berkahwin dan tinggal bersama

c) Berkahwin tapi tinggal berasingan

d) Bercerai

e) Lain-lain

4) Umur : __________

5) Ugama: __________

6) Tingkat pelajaran yang dicapai :

| Darjah | Bapa | Responden | Suami |
|---|---|---|---|
| Tidak bersekolah | | | |
| Darjah 1-6 | | | |
| Lulus Sek. Ren. | | | |
| Ting. 1-3 | | | |
| Lulus SRP | | | |
| Tingkatan 4-5 | | | |
| Lulus SPM | | | |
| Lain-lain | | | |

University of Malaya

7) Sebab-sebab meninggalkan sekolah :-

a) Tamat persekolahan

b) Sebab-sebab peribadi

c) Sebab-sebab Kewangan

d) Lain-lain ______________________

8) Adakah puan ingin menambahkan pelajaran lagi?

Ya ( ) Tidak ( )

Dalam bidang apa ? ______________________

______________________

9) Kemahiran responden dalam bahasa.

| Bahasa | Pertuturan | Membaca | Menulis |
|---|---|---|---|
| China<br>________<br>________<br>________<br>________ | | | |
| Melayu | | | |
| Inggeris | | | |
| Lain-lain<br>________<br>________ | | | |

10) Adakah puan bekerja ?

a) Tidak

b) Sampingan $ ______ sebulan

c) Pekerjaan Tetap $ ______ sebulan

- Pekerjaan suami : ______________ Pendapatan : ______________

TUGAS DALAM RUMAHTANGGA.

11) Berapa lama puan berada di rumah dalam sehari ?

Siang ____________ jam

Malam ____________ jam

Jumlah jam hari minggu____________ jam

University of Malaya

12) Berapa lamakah puan melakukan kerja rumah ?

_____________ Jam

13) Untuk wanita yang bekerja :-

Bagaimanakah puan menguruskan rumahtangga ?

______________________________________________

______________________________________________

14) Adakah puan mempunyai pembantu rumah ?

Ya (   )   Tidak (   )

15 ) Apakah hubungan pembantu rumah dengan puan ?

a) Adik-beradik

b) Saudara-masa

c) Kawan

d) Kenalan kawan

16) Berapakah jam puan tidur dalam sehari

_____________ jam

17) Adakah tidur puan terganggu oleh kerja puan ?

Ya (   )   Tidak (   )

18) Adakah kesihatan Puan terganggu ? Bagaimana ?

______________________________________________

______________________________________________

19) Ketika berkahwin, berapakah umur anda ?

a) umur anda : _______ tahun.

b) Umur suami : _______ tahun.

University of Malaya

ISI RUMAHTANGGA.

20)

| BIL | NAMA | HUBUNGAN DGN PUAN | UMUR | JANTINA | TARAF KELAMIN | PEKERJAAN | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | JENIS | PENDAPATAN |
| 1. | | | | | | | |
| 2. | | | | | | | |
| 3. | | | | | | | |
| 4. | | | | | | | |
| 5. | | | | | | | |
| 6. | | | | | | | |
| 7. | | | | | | | |
| 8. | | | | | | | |
| 9. | | | | | | | |
| 10. | | | | | | | |
| 11. | | | | | | | |
| 12. | | | | | | | |

21) TANGGUNGAN YANG TINGGAL DI TEMPAT LAIN.

| BIL | NAMA | HUBUNGAN DGN PUAN | UMUR | JANTINA | TARAF KELAMIN | PEKERJAAN | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | | | JENIS | PENDAPATAN |
| 1. | | | | | | | |
| 2. | | | | | | | |
| 3. | | | | | | | |
| 4. | | | | | | | |
| 5. | | | | | | | |
| 6. | | | | | | | |

University of Malaya

22) Nyatakan samada barang-barang ini termasuk barang keperluan dan beri dari sumber mana dan kekerapannya dalam masa <u>sebulan</u>.

| | Ya/Tidak | Kekerapan | Sumber sendiri | beli | Dua- | Perbelanja |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. Beras | | | | | | |
| 2. Roti | | | | | | |
| 3. Ikan | | | | | | |
| 4. Ayam | | | | | | |
| 5. Daging (lembu/ kambing ) | | | | | | |
| 6. Telur | | | | | | |
| 7. Sayuran dan buah-buahan | | | | | | |
| 8. Mentega | | | | | | |
| 9. Susu | | | | | | |
| 10.Keju | | | | | | |

23) Berapa kerap anda makan ?

| | Ya | Tidak |
|---|---|---|
| Sarapan pagi | | |
| Makan tengahari | | |
| Minum petang | | |
| Makan malam | | |

24) Adakah anda fikir makanan ini adalah diperlukan untuk kesihatan ? Tandakan (✓) di ruang yang berkenaan.

| JENIS MAKANAN | YA | TIDAK | TIDAK TAHU |
|---|---|---|---|
| Beras | | | |
| Ikan/Daging | | | |
| Sayur/Buah-buahan | | | |
| Kopi | | | |
| Garam | | | |

University of Malaya

25) Pandangan ibu-ibu tentang samada makanan yang mahal mempunyai khasiat yang berharga murah.

a) Benar ( )
b) Tidak benar ( )
c) Tidak tahu ( )

26) Bagaimana anda membeli barang keperluan dapur ?

a) Tunai
b) Hutang
c) Lain-lain cara.

27) Berapakah perbelanjaan untuk makanan sebulan $ _______ sebulan?

KESIHATAN IBU IBU.

28) Semasa mengandung , adakah anda pergi ke klinik bidan atau hospital kerajaan untuk pemeriksaan ?

29) Jika tidak , mengapa ?

a) Terlalu jauh.
b) Sibuk
c) Tidak perlu/tidak percaya kepada faedah yang boleh didapati.
d) Masalah kewangan.
e) Lain-lain. _______________

30) Adakah anda amalkan yang berikut semasa mengandung ?

a) Makanan tertentu untuk ibu mengandung. ( )
b) Elak melakukan kerja dan tempat tertentu. ( )
c) melakukan senaman tertentu. ( )
d) Tidak mempraktikkan sevarang pengawasan semasa mengandung. ( )
e) Lain-lain. _______________ ( )

31) Adakah anda percaya bahawa pantang makanan boleh memberi kesan kepada ibu dan anak yang dikandung?

Ya ( ) Tidak ( )

University of Malaya

32) Di mana anda bersalin anak anda yang bongsu ?

a) Di hospital ( )

b) Di bawa ke klinik ( )

c) Bawa balik kampung ( )

d) Bersalin di rumah sendiri ( )

33) Semasa di dalam pantang ( 44 hari selepas bersalin ) adakah anda mengamalkan ?

a) Bertungku. ( )

b) Berurut. ( )

c) Membawa bayi keluar dari rumah. ( )

d) Susu badan. ( )

e) Lain-lain. ( )

34) Jika ada anak dalam kandungan mati atau keguguran, pada pendapat anda apakah punca atau sebabnya?

____________________________________________

____________________________________________

35) Penyakit yang di jangkiti/hadapi:

| Umur | Penyakit yang di hadapi | | Dalam kandungan | kadar kematian | |
|---|---|---|---|---|---|
| | Infectious | non-Infectious | | Gugur | Semasa kelahiran |
| 15-20 | | | | | |
| 21-25 | | | | | |
| 26-30 | | | | | |
| 31-35 | | | | | |
| 32-40 | | | | | |
| 41-45 | | | | | |

36) Adakah anda mendapat bantuan kewangan daripada anak-anak yang bekerja ?

Ya ( ) Tidak ( )

37) Jika ya, berapa sebulan ?

University of Malaya

38) Adakah pendapatan yang diterima sekarang mencukupi untuk membiayai perbelanjaan kekeluargaan?

a) Berlebihan
b) Cukup makan sahaja.
c) Tidak cukup.

39) Jika tidak mencukupi, berapakah pendapatan yang anda anggap memadai bagi keluarga anda? . . . . . . . . . . . .

______________________________________________

40) Apakah sumber-sumber pendapatan lain puan?

______________________

______________________

______________________

41)

| Jenis perbelanjaan | Jenis barangan | Pembayaran dalam sebulan |
|---|---|---|
| a) Barang kegunaan rumahtangga | Makanan | |
| | Pakaian | |
| | Lain-lain | |
| b) Pelajaran anak | Tambang | |
| | Wang saku | |
| | Buku | |
| c) Hutang barang-barang perabut | | |
| d) Lain-lain. | | |

University of Malaya

HARTA DAN PEMILIKAN

42) Siapakah pemilik rumah yang anda dydyju sejarang?

a) Sendiri ( )

b) Pesaka ( )

c) Saudara-mara ( )

d) Tuan rumah

e) Lain-lain.

43) Jika rumah disewa

a) Bayaran sebulan : $ ____________

b) Sewa adalah : Tinggi ( )

Rendah ( )

Berpatutan( )

44) Anggaran nilai rumah : $ ____________

45) Siapakah pemilik tanah di mana terletaknya rumah ini ?

a) sendiri ( )

b) Pusaka ( )

c) Saudara mara ( )

d) Tuan rumah ( )

e) Lain-lain ( )

46) Ternakan :

| Bil | | Kuantiti | Untuk dijual | kegunaan sendiri | keuntungan |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Ayam | | | | |
| 2. | Itik | | | | |
| 3. | Lembu | | | | |
| 4. | Kerbau | | | | |
| 5. | Kambing | | | | |
| 6. | Lain-lain | | | | |

University of Malaya

HAL EHWAL SOSIAL DAN KELAB/PERSATUAN.

62) Bilakah waktu lapang puan?

________________________________________

63) Apakah yang puan lakukan pada masa lapang?

________________________________________

64) Adakah anda atau ahli-ahli keluarga anda menjadi ahli mana-mana badan atau kelab ( bukan berunsur politik )

Ya (   )   Tidak (   )

Nama: ________________________

Kelab / persatuan : ________________

Jawatan yang di pegang : ________________

Kekerapan aktiviti diadakan: ________________

Apakah aktiviti yang diadakan: ________________

Apa Apakah aktiviti yang anda sertai? ________________

Mengapa puan menyertai persatuan ini?

________________________________________

________________________________________

ORGANISASI POLITIK

65) Adakah anda / ahli keluarga anda menganggotai mana-mana organisasi politik ?

Ya (   )   Tidak (   )

Nama : ________________________

Organisasi politik : ________________

Jawatan yang dipegang : ________________

Kekerapan aktiviti : ________________

Apakah aktiviti-aktiviti yang diadakan ? ________________

Apakah aktiviti-aktiviti yang anda sertai? ________________

Mengapa anda menyertai organisasi politik ini ?

________________________________________

________________________________________

University of Malaya